ﭬﻠﻴﺘﺎ ﺑﺮﻭﻧﻲ
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abu Barzah Al-Aslami dia berkata,
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :
"Tidak akan bergerak dua kaki seorang hamba pada Hari Kiamat di sisi Tuhannya sehinggalah dia ditanya tentang empat perkara; tentang umurnya ke mana dihabiskannya, tentang ilmunya bagaimana dia mengamalkannya, tentang hartanya dari mana diperolehnya dan ke mana dibelanjakannya, dan tentang tubuhnya untuk apa digunakannya".

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.27 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 137 | 13 NOVEMBER 2024 / 1446 جمادي الأول 11 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# BERANGKAT TIBA DI LIMA, REPUBLIK PERU



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Lima, Republik Peru bagi mengadakan Keberangkatan Negara yang berlangsung pada 12 hingga 13 November 2024 dan seterusnya akan berangkat menghadiri Asia-Pacific Economic Leaders' Meeting Ke-31 pada 15 hingga 16 November 2024. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (*Lihat muka 3*).

# Perutusan tahniah atas pelantikan semula PM Jepun

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shigeru Ishiba berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Jepun, baru-baru ini.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shigeru Ishiba.**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



BINA jaringan kerjasama tangani isu kesihatan mental
Muka 3



MEMPERKASA golongan belia tangani kemiskinan, pembangunan luar bandar
Muka 6



9 ahli Kadet Polis Diraja Brunei KUPU SB naik pangkat
Muka 13



RENCANA

CEGAH diabetes demi kehidupan lebih sihat
Muka 21

# Berangkat tiba di Lima, Republik Peru





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Lima, Republik Peru. Turut berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Manakala gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan menerima junjung ziarah bersama rakyat baginda.**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**LIMA, REPUBLIK PERU**, Isnin, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi tadi berangkat tiba di Lima, Republik Peru bagi mengadakan Keberangkatan Negara yang berlangsung pada 12 hingga 13 November 2024 dan seterusnya akan menghadiri Asia-Pacific Economic Leaders' Meeting Ke-31 pada 15 hingga 16 November 2024.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Jorge Chávez dijunjung oleh President of the Council of Ministers of the Republic of Peru, Tuan Yang Terutama Gustavo Lino Adrianzén.

Juga hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Amerika Syarikat (Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD yang tidak menetap ke Republik Peru), Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Serbini bin Haji Ali.

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | RABU | 11 | 4.37 | 4.47 | 6.07 | 6.31 | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 14 | KHAMIS | 12 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 15 | JUMAAT | 13 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.06 | 3.27 | 6.02 | 7.14 |
| 16 | SABTU | 14 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.14 |
| 17 | AHAD | 15 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 18 | ISNIN | 16 | 4.37 | 4.47 | 6.09 | 6.32 | 12.06 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |
| 19 | SELASA | 17 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.33 | 12.07 | 3.28 | 6.02 | 7.15 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 13 NOVEMBER 2024

# Kepentingan hutan dalam kesihatan kita

**HUTAN** memainkan peranan yang sangat penting dalam menjamin kesejahteraan hidup manusia dan juga hidupan lain di bumi ini. Hutan memberikan banyak manfaat kepada kesihatan manusia, seperti memberikan udara yang segar dengan menyerap karbon dioksida dan pencemar udara yang lain di samping mengeluarkan oksigen.

Dalam masa yang sama, hutan juga mampu menyediakan sumber air yang bersih, menyediakan sumber makanan dan tumbuhan ubatan dan memainkan peranan dalam menstabilkan iklim dunia serta mengatasi pemanasan global.

Hutan juga boleh memainkan peranan dalam menyediakan kawasan untuk aktiviti rekreasi seperti berjalan, berlari, dan *hiking*. Aktiviti sebegini akan memberikan manfaat kepada kesihatan kita. Selain itu, kajian saintifik telah mendapati bahawa pendedahan kepada persekitaran hutan boleh memberikan manfaat kepada kesihatan fizikal dan mental, termasuk mengurangkan tahap tekanan atau stres.

Sehubungan itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan telah mengambil inisiatif dalam memelihara taman-taman rekreasi hutan di negara ini untuk menggalakkan aktiviti riadah kepada masyarakat.

Usaha ini melibatkan penyediaan kemudahan asas di kawasan taman rekreasi hutan seperti pondok-pondok rehat, laluan *walkway*, papan-papan tanda maklumat, tempat letak kereta dan tandas awam. Tujuan usaha ini adalah untuk mendorong masyarakat untuk membudayakan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah di taman rekreasi hutan ini di samping dapat menghargai keindahan dan kepelbagaian alam semula jadi.

Hutan yang sihat memberikan manfaat kepada kesejahteraan dan kesihatan masyarakat. Ini adalah amat relevan dengan Wawasan Brunei 2035 yang antara lainnya menitikberatkan mengenai persekitaran yang bersih dan hijau, dan ke arah menjadikan warga sihat, iaitu seperti yang dinyatakan di bawah Matlamat 2 iaitu 'Kualiti Kehidupan yang Tinggi'.

Selain dari itu, hutan yang sihat juga memberikan pelbagai manfaat ekonomi, seperti kayu dan hasil hutan yang dapat dimanfaatkan secara mampan, serta potensi untuk mengembangkan ekopelancongan.

Oleh yang demikian, kita perlu memahami bahawa pemuliharaan hutan bukan sahaja akan dapat membantu menjaga ekosistem, malahan juga boleh meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan manusia melalui pelbagai manfaat yang boleh diperolehi daripadanya.

Justeru, marilah kita bersama-sama melindungi dan memulihara hutan kita, serta memastikan warisan alam ini akan terus kekal untuk generasi masa depan.
– **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BINA JARINGAN KERJASAMA TANGANI ISU KESIHATAN MENTAL






YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap pada majlis tersebut dan seterusnya menyaksikan pameran Simposium Kaunseling PERKAB 2024 (kiri dan atas).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**RIMBA**, Selasa, 12 November. - Kesihatan mental merupakan asas dalam kesejahteraan keseluruhan masyarakat dan memerlukan rangkaian sokongan komuniti yang kukuh, malah ia bukan lagi suatu isu yang perlu dibincangkan secara tertutup atau dianggap remeh berbanding kesihatan fizikal.

Perkara itu ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Simposium Antarabangsa 2024 anjuran Persatuan Kaunseling Brunei Darussalam (PERKAB) di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

"Dalam konteks ini, peranan pemimpin akar umbi seperti Ketua Kampung, Penghulu Mukim, wakil belia, pemimpin agama, dan kaunselor amatlah penting. *Abiskita* merupakan rujukan utama dalam komuniti, di mana perubahan sebenar boleh bermula.

"Suara *abiskita* membawa pengaruh, tindakan *abiskita* menjadi teladan, dan empati *abiskita* dapat memberikan harapan kepada mereka yang menghadapi cabaran hidup," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, simposium tersebut menawarkan peluang yang berharga untuk memperkasa pemimpin akar umbi dengan kemahiran dan pengetahuan yang praktikal.

Melalui perbincangan dan bengkel yang diadakan, Yang Berhormat menggalakkan para peserta simposium untuk meneroka strategi praktikal, membina kerjasama yang bermakna, dan berkongsi idea yang dapat diaplikasikan dalam komuniti masing-masing.

Tambahnya, ia merupakan peluang bagi setiap peserta untuk memikirkan cara memperhebatkan inisiatif kesihatan mental, mengenal pasti sumber yang ada, dan mewujudkan ruang yang selamat bagi dialog dalam komuniti.

"Ingatlah bahawa menangani isu kesihatan mental bukanlah tugas yang terletak pada bahu para profesional kesihatan sahaja.

"Pemimpin agama membawa kekuatan iman, Ketua Kampung menawarkan kepimpinan dan kepercayaan, wakil belia melambangkan ketahanan dan kecekalan, manakala kaunselor menyediakan sokongan dan kepakaran yang amat diperlukan.

"Bersama-sama, *abiskita* adalah rangkaian pengaruh yang kuat yang mampu mengubah landskap kesihatan mental di Negara Brunei Darussalam," tegas Yang Berhormat.

Dalam meneruskan misi tersebut, Yang Berhormat menyeru para peserta simposium untuk mengambil pendekatan yang inklusif dan menyeluruh.

"Pastikan sumber sokongan kesihatan mental dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat, galakkan dialog terbuka, dan sesuaikan pendekatan *abiskita* dengan keperluan komuniti yang dipelbagai.

"Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat kita adalah berbeza-beza, dan sebagai pemimpin, kita perlu memahami keunikan cabaran ini di peringkat tempatan serta memberikan tindak balas yang bersesuaian dengan nilai dan keperluan rakyat," kata Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, simposium seumpama ini dapat membuka peluang bagi pengamal kaunseling dan profesional kesihatan mental untuk bertukar pandangan, mewujudkan jaringan kerjasama, serta berkongsi pengalaman dan ilmu.

"Ini adalah masa yang tepat bagi kita untuk mengiktiraf usaha dan dedikasi para pengamal kaunseling yang telah memainkan peranan besar dalam membantu kesejahteraan masyarakat," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, tema simposium kali ini iaitu 'Daripada Kesedaran kepada Tindakan: Memobilisasikan Kemahiran Kaunseling di Peringkat Akar Umbi dalam Menangani Cabaran Kesihatan Mental' mengingatkan kita bahawa usaha dalam menangani isu kesihatan mental tidak harus terhenti pada kesedaran sahaja, tetapi mesti diteruskan dengan tindakan yang konkrit, kerjasama yang erat, dan empati yang mendalam bagi membawa perubahan yang bermakna.

Yang Berhormat seterusnya menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada para pembentang utama iaitu Profesor Madya Dr. Frederick P. K. Low, dari James Cook University, Singapura; dan Dr. Sheila Marie G. Hocson, dari Far East University, Philippines.

Simposium yang diadakan selama tiga hari ini akan diisi dengan sesi perbincangan panel, pembentangan dan bengkel.

Pada majlis perasmian itu, simposium mengetengahkan isu kesihatan mental masyarakat yang dibentangkan oleh Profesor Madya Dr.Frederick P. K. Low; dan Sesi Plenari mengenai peranan akar umbi dalam menangani cabaran kesihatan mental.

Presiden PERKAB, Mejar (B) Rusli bin Bujang membentangkan tajuk 'Kerahan (Mobiliti) Akar Umbi' yang antara lain mengongsikan mengenai peranan penting para pemimpin akar umbi dalam membantu menjaga kesejahteraan masyarakat dari peringkat bawah.

Manakala, Penolong Profesor Kanan, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hajah Salwa binti Dato Seri Setia Haji Mahalle menekankan mengenai komunikasi yang efektif dan baik dalam kalangan pemimpin bagi mendengarkan, memahami dan merespons keperluan masyarakat dalam tajuk pembentangannya 'Pemimpin Prihatin Masyarakat Sejahtera'.

Simposium Kaunseling PERKAB 2024 ini antara lain bertujuan untuk menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menangani cabaran kesihatan mental di peringkat kebangsaan dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi melengkapkan pemimpin akar umbi dengan kemahiran kaunseling yang diperlukan untuk menjadi para kaunselor dalam kalangan masyarakat.




YANG Berhormat menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada salah seorang pembentang (kanan). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, antara yang menghadiri simposium berkenaan.





# AWANG HAJI ABDUL AZIZ, DAYANG HAJAH RAMLAH JOHAN PERTANDINGAN TARANNUM AL-QURAN



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**TUNGKU**, Isnin, 11 November. - Pertandingan Tarannum Al-Quran bagi yang Berumur 55 Tahun Ke Atas bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Mukim Gadong 'A' dan Mukim Gadong 'B' ini adalah julung-julung kalinya diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersempena Memperingati Hari Ulang Tahun Penubuhan Masjid UBD Ke-29 Tahun anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti berkenaan baru-baru ini.

Pertandingan ini telah disertai oleh seramai 28 orang peserta pada peringkat saringan yang telah diadakan pada 3 November 2024 lepas. Manakala peserta yang berjaya ke peringkat akhir adalah seramai 10 orang yang terdiri daripada lima orang peserta lelaki bagi Kategori 'A' dan lima orang peserta perempuan bagi Kategori 'B'.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, selaku Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Dalam pertandingan bagi Kategori 'A' (Lelaki), johan dan naib johan masing-masing dimenangi oleh wakil dari Masjid UBD iaitu Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Tuah dan Awang Haji Zaman bin Haji Timbang, manakala Awang Haji Asmat bin Haji Tuah wakil dari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah mendapat tempat ketiga.

Bagi Kategori 'B' (Wanita) pula johan dan naib johan juga masing-masing disandang oleh wakil dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku iaitu Dayang Hajah Ramlah binti Haji Abdul Rahman dan Dayang Hajah Asmah binti Paidi, sementara wakil dari Masjid UBD, Dayang Hajah Masnani binti Haji Abdul Latif menduduki tempat ketiga.

Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berharap dengan adanya pertandingan yang diadakan ini, dapat meningkatkan lagi mutu bacaan para peserta dan ilmu pengetahuan mengenai pembacaan Al-Quran dan taranum serta menjadi pembakar semangat bagi jemaah masjid yang hadir bagi meneruskan perjuangan dalam mempelajari Al-Quran meskipun sudah lanjut usia dan semoga Al-Quran ini menjadi amalan dalam kehidupan seharian kita semua.

# Asah kemahiran menulis nama, tandatangan Jawi





**RA'ES KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat pertama (kiri sekali). Sementara gambar kiri, antara pelajar yang menyertai peraduan tersebut.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 November. - Dalam usaha untuk memartabatkan penggunaan tulisan Jawi di samping memupuk rasa cinta kepada warisan budaya Melayu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath pagi tadi mengungkayahkan Peraduan Menulis Nama dan Tandatangan Dalam Tulisan Jawi bagi Pelajar-pelajar Sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam.

Peraduan yang berlangsung di Dewan Tarbiah, KUPU SB dihadiri Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Sebanyak 10 hasil karya peserta telah terpilih dan dipertandingkan secara spontan di peringkat akhir, di mana tempat pertama disandang oleh Dayang Nur Hazarena Alyna binti Abdullah dari Sekolah Rendah Awang Haji Mohd Yusof, Katimahar.

Sementara Awang Md. Khaleel Shareef bin Md. Sahril Rizuan dari Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata Gadong dan Awang Muhammad Adam bin Nayan dari Sekolah Rendah Puni, Temburong masing-masing meraih tempat kedua dan ketiga.

Pertandingan antara lain bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran serta minat para peserta terhadap tulisan Jawi, di samping dapat memupuk kebolehan para peserta dalam menulis tandatangan menggunakan tulisan Jawi.

Terdahulu Ra'es KUPU SB, dalam ucapan perasmiannya menekankan inisiatif seumpamanya adalah sangat penting dalam mengukuhkan jati diri Melayu Islam Beraja (MIB) dalam diri pelajar serta akan dapat melahirkan modal insan yang berilmu, berintegriti dan berwawasan demi menjamin kesinambungan serta kemajuan warisan ilmu Islam dalam kehidupan moden hari ini.

Tulisan Jawi juga katanya, merupakan sebahagian daripada warisan budaya kita yang harus kita lestarikan dan wariskan kepada generasi seterusnya.

"Namun apa yang berlaku sekarang, usaha untuk mempertahankan tulisan Jawi ini dilihat semakin berkurang dan sering diabaikan.

"Oleh itu, bertepatan dengan inisiatif menjalankan aktiviti peraduan ini, insyaaAllah sedikit sebanyak akan memupuk rasa cinta kepada warisan budaya Melayu serta memperkasakan kemahiran menulis dan mengenal huruf-huruf Jawi dengan betul dan indah," terangnya.

Peraduan ini juga tambahnya, bukan sahaja bertujuan untuk mengasah kemahiran menulis dalam tulisan Jawi tetapi juga untuk mendekatkan diri kita semua, terutama generasi muda kepada khazanah warisan bangsa yang kaya dan bernilai di samping tulisan Jawi juga adalah satu simbol budaya yang bukan sahaja indah dari segi seni tetapi dipenuhi dengan nilai sejarah yang perlu dipertahankan.



# TEROKA STRATEGI PENGAJARAN EFEKTIF KE ARAH PENDIDIKAN INKLUSIF





**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas Pendengaran dan Bengkel Bahasa Isyarat dan seterusnya menyampaikan ucapannya (atas dan kanan).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Suzani Adina Haji Marzoki**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 November. – Sejak tahun 1997, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Dasar Pendidikan Inklusif, membolehkan pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk belajar bersama-sama rakan sebaya mengikuti pembelajaran aliran perdana mahupun aliran pendidikan khas di sekolah-sekolah kerajaan dan institusi pendidikan swasta.

Setakat ini, seramai 2,882 pelajar berkeperluan khas telah berpeluang untuk belajar di institusi-institusi pendidikan peringkat rendah, menengah serta pengajian tinggi kerajaan, di mana daripada jumlah tersebut, seramai 209 orang adalah pelajar berkeperluan khas pendengaran dengan pelbagai tahap gangguan pendengaran.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas Pendengaran dan Bengkel Bahasa Isyarat yang diadakan di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Berucap selaku Pengerusi Majlis tersebut, Dr. Eddy Fazlin seterusnya berkata, pelbagai inisiatif dan usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas termasuk Siri Bengkel Asas Bahasa Isyarat bagi guru, pelajar dan ibu bapa, penyediaan alat bantuan pendengaran serta pembinaan sumber pembelajaran digital untuk membantu pelajar-pelajar berkeperluan khas pendengaran mendapat akses kepada ilmu pengetahuan, dapat mengikuti aktiviti-aktiviti sekolah dan mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran seperti yang digariskan dalam rangka kerja pendidikan khas iaitu berpandukan kepada prinsip APA iaitu Access, Participate and Achieve selain dari prinsip 5A iaitu Accessibility, Adapted Kurikulum, Adapted Instruction, Adapted Assessment dan Acceptance.

Tambahnya lagi, usaha itu mencerminkan komitmen tinggi Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Inklusif selaras dengan Akta Pendidikan Wajib bagi memastikan semua kanak-kanak yang berumur 5 tahun mendapat akses kepada pendidikan.

Justeru itu tekannya, Jabatan Pendidikan Khas atau JPKhas akan sentiasa giat dan aktif dalam merancang dan menyediakan kemudahan serta program yang sesuai bagi memantapkan usaha inklusif ini.

Menurutnya, salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mendidik pelajar sensori pendengaran ialah kekurangan pengetahuan tentang masalah pendengaran, pendekatan pengajaran yang berkesan dan kebolehan berkomunikasi, khususnya dalam Bahasa Isyarat, bagi membantu pelajar-pelajar memahami pelajaran dengan baik.

Oleh itu jelasnya, seminar dan bengkel tersebut diharap akan dapat membina dan meningkatkan kecekapan para peserta iaitu guru dalam pendidikan khas pendengaran dan Bahasa Isyarat, seiring dengan matlamat untuk mencapai pendidikan inklusif bagi semua pelajar, terutama yang mengalami kesukaran dalam pembelajaran akibat masalah pendengaran.

Perkara ini juga ujarnya, selari dengan Matlamat Strategik Ke-3 Kementerian Pendidikan 2023-2027 iaitu membina dan meningkatkan tenaga manusia yang berkemahiran tinggi dalam mewujudkan pelajar-pelajar siap siaga masa depan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan seminar tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Pada majlis tersebut, Pensyarah Pendidikan Khas, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Syar Meeze bin Mohd Rashid turut menyampaikan ucaptama, diikuti dengan sesi soal jawab.

Sepanjang seminar dan bengkel selama tiga hari itu, para peserta akan berpeluang untuk meneroka strategi-strategi pengajaran yang efektif, menyertai aktiviti-aktiviti dan mempelajari bahasa isyarat sebagai kaedah komunikasi penting dalam membentuk persekitaran bilik darjah inklusif yang kondusif, khususnya bagi pelajar berkeperluan khas pendengaran.

Perbincangan, perkongsian dan pertukaran idea akan dapat memberi manfaat dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran para guru, sekali gus menjadikan mereka sebagai aset utama dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun serta memiliki kualiti hidup yang tinggi.

# Langkah kurangkan jejak karbon jadi fokus utama

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**JERUDONG**, Selasa, 12 November. – Para Pemimpin Syarikat Penerbangan Asia Pasifik (Association of Asia Pacific Airlines – AAPA) malam tadi diraikan dalam satu Majlis Resepsi Perhimpunan Pemimpin AAPA Ke-68 yang diadakan di Indera Samudra Canopy, The Empire Brunei.

Para pemimpin AAPA yang berhimpun pada majlis tersebut teruja dengan peningkatan memberangsangkan perjalanan udara dan kargo antarabangsa pada tahun 2024, yang telah menjadikan rantau Asia Pasifik ini sekali lagi menjadi pasaran pengangkutan udara terbesar di dunia.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB), Kapten Awang Sabirin bin Haji Abdul Hamid.

Dengan tema 'Future Proofing Asian Aviation', perhimpunan ini akan menilai pemulihan industri dan cabaran yang dihadapi, termasuk isu-isu berkaitan yang mempengaruhi penghantaran pesawat, enjin, komponen dan alat ganti tepat pada masanya.




Fokus utama akan diberikan kepada kelestarian penerbangan. Panel pakar yang mewakili syarikat penerbangan, lapangan terbang, pengeluar pesawat, dan pembekal bahan api penerbangan akan membincangkan langkah untuk mengurangkan jejak karbon, sebelum para pemimpin syarikat penerbangan mempertimbangkan resolusi persidangan yang akan diumumkan pada penutup acara.

Potensi untuk ledakan perjalanan udara bagi pasaran baru muncul di seluruh rantau ini juga akan menjadi perhatian.

Para pemimpin syarikat penerbangan berhimpun tepat pada masanya dengan pandemik yang telah berlalu, dan ekonomi di rantau ini dijangka akan berkembang pesat dalam beberapa tahun akan datang.

Di samping itu, perbincangan juga akan memfokuskan kepada tinjauan masa depan, dan visi untuk menjadikan perjalanan udara bagi generasi akan datang lebih mampan, lancar dan tanpa kerumitan.




**KETUA Pegawai Eksekutif Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Kapten Awang Sabirin bin Haji Abdul Hamid semasa hadir pada Majlis Resepsi Perhimpunan Pemimpin AAPA Ke-68 (atas). Manakala gambar bawah kiri, antara persembahan pada majlis tersebut.**

"Brunei adalah lokasi yang ideal untuk perhimpunan tahun ini. Habitat semula jadinya yang kaya menyediakan latar belakang inspirasi kepada perbincangan mengenai bagaimana perjalanan udara pada masa depan.

"Sebagai persediaan untuk Perhimpunan Pemimpin Ke-68 ini, kami menumpukan perhatian pada perkara akan datang, dengan mengambil iktibar dari empat tahun yang lalu yang berfungsi sebagai pemangkin untuk perbincangan mengenai masa depan perjalanan udara dalam pasaran penerbangan terbesar di dunia," menurut Ketua Pengarah AAPA, Subhas Menon.

PELITA BRUNEI

# MEMPERKASA GOLONGAN BELIA TANGANI KEMISKINAN, PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



MESYUARAT Pegawai - pegawai Kanan ASEAN bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan dan Mesyuarat Berkaitan Kali Ke-21 (21st ASEAN Senior Officials Meeting on Rural Development and Poverty Eradication (21st SOMRDPE and Related Meetings) berlangsung selama tiga hari bermula pada hari ini hingga 14 November 2024 di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Berita dan Foto : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**GADONG**, Selasa, 12 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) tahun ini menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pegawai - pegawai Kanan ASEAN bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan dan Mesyuarat Berkaitan Kali Ke-21 (21st ASEAN Senior Officials Meeting on Rural Development and Poverty Eradication (21st SOMRDPE and Related Meetings) yang berlangsung mulai hari ini hingga 14 November 2024, bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Acara pada hari pertama dimulakan dengan 13th ASEAN Public Private People Partnership Forum on Rural Development and Poverty Eradication (13th PPP RDPE Forum) dengan tema 'Youths as Agents of Change Towards a Resilient ASEAN : Strengthening the Role of Youths in Poverty Eradication and Rural Development'.

Forum yang diadakan di bawah tema yang dinyatakan berkenaan akan memberi tumpuan kepada pengiktirafan dan memperkasa golongan muda dalam menangani cabaran pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar, serta memimpin ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan.

Forum dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Dayang Hajah Nor Ashikin dalam ucapan alu-aluannya menekankan tentang kepentingan untuk mengiktiraf peranan kritikal yang dimainkan oleh belia sebagai ejen perubahan.

Belia jelasnya bukan sekadar pemimpin hari esok, malah belia adalah pemimpin masa kini. Golongan muda di seluruh ASEAN berada di barisan hadapan dalam pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan, menyumbang sebagai usahawan, sukarelawan, peguam bela dan inovator.

"Tenaga, kreativiti dan keazaman para belia yang mendorong penyelesaian baharu kepada cabaran yang berpanjangan, menjadikan penglibatan mereka bukan sahaja bermanfaat tetapi juga penting," katanya lagi.

Dayang Hajah Nor Ashikin juga berbesar hati untuk meraikan kemajuan ASEAN dalam mengintegrasikan belia dalam rangka kerja pembangunannya.

Inisiatif seperti Pelan Induk ASEAN mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Rangkaian ASEAN Village ujarnya, telah mengorak langkah dalam memperkasa belia dan mengukuhkan komuniti luar bandar.

Forum berkenaan disertai oleh wakil-wakil daripada pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), sektor swasta dari negara-negara ASEAN, termasuklah para penerima Anugerah Kepimpinan RDPE ASEAN daripada NBD serta wakil-wakil daripada rakan pembangunan ASEAN.

Forum berkenaan dibahagikan kepada lima sesi berdasarkan tajuk-tajuk berikut, iaitu Peranan Usahawan Belia Dalam Perubahan Sosial dan Ekonomi, Penglibatan Belia dan Sukarelawan Dalam Pembasmian Kemiskinan, Menangani Kemiskinan Melalui Pendigitalan, Belia dan Akses Setara Kepada Pendidikan Serta Program Kemahiran Hidup, dan Revitalisasi Luar Bandar Untuk Pengurangan Kemiskinan.

Forum diakhiri dengan ucapan penutup daripada Awang Abdul Walid, yang antara lain menekankan dan mengongsikan bahawa salah satu tugas terpenting KHEDN untuk bergerak ke hadapan adalah memastikan penyediaan sokongan yang diperlukan untuk membantu golongan muda yang juga pembuat perubahan selain menggalakkan penyertaan aktif belia dalam pembangunan luar bandar, pembasmian kemiskinan, dan proses membuat keputusan merentas semua sektor.

"Sama ada melalui keusahawanan, kepimpinan komuniti, atau advokasi untuk pembangunan mampan, golongan muda mesti diberi setiap peluang untuk menyumbang secara bermakna kepada visi ASEAN yang berdaya tahan," ujarnya.

Seramai 100 peserta menghadiri mesyuarat 21st ASEAN SOMRDPE dan yang berkaitan daripada Negara-negara ASEAN dan Negara Campur Tiga.

# Penerbangan kedua Kontinjen MALBATT 850-12 berlepas ke Lubnan







SEKITAR Penerbangan kedua Kontinjen MALBATT 850-12 untuk Misi Pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) (atas, atas kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**PANGKALAN UDARA SUBANG, MALAYSIA**, Isnin, 11 November. – Penerbangan kedua Kontinjen MALBATT 850-12 untuk Misi Pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) yang terdiri daripada 219 anggota MALBATT 850-12 termasuk empat anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah selamat berlepas baru-baru ini menggunakan pesawat Batik Air Airbus A330-300.

Hadir pada majlis pemergian tersebut ialah Penolong Ketua Staf J3 Markas Angkatan Bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Tong Veng Leong TUDM.

Turut hadir adalah Penasihat Pertahanan Brunei Darussalam ke Malaysia, Leftenan Kolonel Rudie Asmawi bin Haji Abidin, Pegawai-pegawai Kanan ATM dan ahli keluarga kontinjen yang akan berlepas.

Upacara dimulai dengan Tabik Hormat daripada kontinjen, diikuti dengan Lagu ATM serta ucapan daripada tetamu kehormat.

Upacara Perbarisan diakhiri dengan laungan 'Gempur Wira' dan disusuli dengan bacaan doa.

Sebanyak dua lagi penerbangan bagi Kontinjen MALBATT 850-12 dijadualkan berlepas dari Malaysia ke Lubnan pada 14 dan 18 November 2024.

# 23 PESERTA PERDENGARKAN BACAAN AL-QURAN HARI KEDUA MUSABAQAH

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Suzani Adina Haji Marzoki





**PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei hadir selaku tetamu khas pada musabaqah sebelah pagi (kanan). Manakala gambar kanan sekali, Pemangku Pengarah Pengajian Islam hadir selaku tetamu khas pada musabaqah sebelah petang.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 November. – Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diteruskan lagi bagi hari kedua berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Seramai 23 peserta terdiri daripada 19 qari dan empat qariah memperdengarkan bacaan masing-masing.

Hadir selaku tetamu khas pada musabaqah sebelah pagi, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu.

Manakala, hadir selaku tetamu khas pada sebelah petang, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir berkenaan adalah dihasrat dapat memantapkan dan mengembangkan lagi bidang pembacaan serta penghayatan Al-Quran dan mendorong masyarakat ke arah celik ilmu Al-Quran.

Di samping itu, ia juga sebagai wadah dan zikir untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, juga sebagai doa bagi memohon pertolongan kepada-Nya serta peringatan supaya kita semua jauh daripada kelalaian.

Orang ramai bolehlah mengikuti siaran langsung musabaqah melalui Instagram Kementerian Hal Ehwal Ugama *@kheu.brunei* dan Facebook *www.facebook.com/kheu.brunei*.







**ANTARA para peserta memperdengarkan bacaan masing-masing (atas kiri dan atas tengah). Sementara gambar atas kanan, antara jemputan yang hadir ke musabaqah berkenaan.**

# 24 guru terima sijil tamat Kursus Pendidikan Kerjaya




**PEMANGKU Penolong Pengarah, Dayang Hajah Nisah binti Haji Gharif, selaku Ketua Bahagian Akademik, Program dan Perkhidmatan Pendidikan di Jabatan Sekolah-sekolah bergambar ramai bersama para peserta yang menamatkan Kursus Pendidikan Kerjaya**

Berita dan Foto : Ihsan Jabatan Sekolah-Sekolah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 November. - Seramai 24 guru kerjaya baharu daripada sekolah menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam kerajaan menamatkan Kursus Pendidikan Kerjaya selama lapan hari anjuran Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-sekolah di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong Pengarah, Dayang Hajah Nisah binti Haji Gharif, selaku Ketua Bahagian Akademik, Program dan Perkhidmatan Pendidikan di Jabatan Sekolah-sekolah, yang seterusnya menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta.

Hadir sama ialah ketua dan para pegawai dari Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-sekolah.

Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin, dalam ucapan alu-aluannya berharap kursus selama lapan hari berkenaan meliputi pembentangan daripada pihak berkepentingan yang berkaitan dalam Kementerian Pendidikan seperti daripada taklimat dari Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah - sekolah, sesi perkongsian daripada guru-guru kerjaya yang berpengalaman dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Sekolah Menengah Berakas, dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan pembentangan dari Jabatan Pengurusan Biasiswa, Jabatan Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan pihak luar berkepentingan seperti Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei).

Selain itu tambahnya, lawatan sambil belajar ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna untuk melihat dengan lebih dekat lagi Bilik Kerjaya, kemudahan, perkhidmatan dan inisiatif yang diperkenalkan adalah bermanfaat kepada para guru kerjaya baharu dalam memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dan penerokaan kerjaya di sekolah masing-masing.

Beliau juga turut menekankan bahawa guru pendidikan kerjaya memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar ke arah membuat keputusan yang terbaik berdasarkan maklumat dan nasihat yang diberikan mengenai hala tuju masa depan mereka.

# MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT SEPARUH AKHIR BERMULA

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Alishahrin Haji Mumin**

**BERAKAS**, Isnin, 11 November. - Seramai 57 peserta akan memperdengarkan bacaan masing-masing bermula hari ini pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan selama tiga hari berturut-turut.

Daripada jumlah tersebut, seramai 23 peserta terdiri daripada 20 qari dan tiga qariah memperdengarkan bacaan masing - masing pada hari pertama yang mana 13 peserta memperdengarkan bacaan pada sesi pagi dan 10 peserta pada sesi petang.

Hadir selaku tetamu khas pada sebelah pagi ialah Pengarah Perundangan Islam, Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh. Sementara sebelah petang dihadiri oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Masri.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Tingkat I, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Awang Mohammad Arif bin Haji Johari.

Seramai 33 peserta iaitu 26 qari dan tujuh qariah terpilih melalui Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong pada 22, 23 dan 24 Oktober 2024 yang lalu.

Sementara, lapan orang terdiri daripada lima qari dan tiga qariah sebagai peserta menunggu dari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M.

Manakala 15 orang iaitu 14 qari dan seorang qariah daripadanya adalah peserta musabaqah yang mendapat markah 80 peratus ke atas tiga tahun berturut-turut pada Musabaqah Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan dan seorang johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir Tahun 1445H / 2024M.

Sehubungan itu, Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah serta Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M akan diadakan pada Khamis, 12 Jamadilawal 1446H bersamaan 14 November 2024M di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh itu, adalah dihasratkan musabaqah ini dapat memajukan dan mengembangkan lagi bidang Al-Quran serta dapat mendorong masyarakat ke arah celik Al-Quran sebagai wadah dan zikir untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon Allah Subhanahu Wata'ala untuk perlindungan supaya jauh daripada kelalaian.

Orang ramai bolehlah mengikuti siaran langsung musabaqah melalui Instagram Kementerian Hal Ehwal Ugama *@kheu.brunei* dan Facebook *www.facebook.com/kheu.brunei*.





**PENGARAH Perundangan Islam, Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu khas pada sebelah pagi (atas), manakala sebelah petang ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Masri (atas kiri). Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.**







**ANTARA para qari dan qariah semasa memperdengarkan bacaan masing-masing (kiri dan kanan).**

# Jelajah Kerjaya 2024 tawar peluang pekerjaan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**





**SIRI Jelajah Kerjaya 2024 anjuran Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) yang berlangsung selama dua hari di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong (atas dan kanan).**

**TUTONG**, Isnin, 11 November. - Tutong menjadi daerah kedua bagi siri Jelajah Kerjaya 2024 anjuran Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), mengetengahkan beberapa buah syarikat swasta yang menawarkan peluang-peluang pekerjaan dan mengadakan temu duga terbuka bagi para pencari kerja tempatan.

Acara dua hari itu yang bermula hari ini dan esok, 12 November 2024 bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong, dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Sejumlah tujuh syarikat ikut serta pada pameran berkenaan dan seterusnya menawarkan peluang-peluang pekerjaan manakala lima syarikat juga mengadakan sesi temu duga terbuka pada acara berkenaan.

Di samping itu, Jabatan Buruh, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) dan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) turut serta bagi memberikan maklumat dan bantuan khusus bagi para pencari kerja.

Bagi memudahkan lagi proses, para pencari kerja adalah disarankan untuk mendaftar akaun PPB melalui laman sesawang *www.jobcentrebrunei.gov.bn* sebelum menghadiri acara Jelajah Kerjaya 2024.

Walau bagaimanapun, pendaftaran juga akan dibukakan semasa acara tersebut dan bagi yang membuat pendaftaran semasa acara, adalah digalakkan untuk menyediakan *softcopy* dokumen untuk memudahkan dan mengaktifkan akaun.

Bagi yang sudah berdaftar dan mempunyai akaun yang aktif, sila cetak dan bawa *hardcopy* CV, sijil-sijil dan dokumen berkaitan dan hendaklah hadir dengan berpakaian kemas.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, PPB, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohamad Nurizam bin Donglah berharap para pencari kerja supaya akan dapat mengambil peluang yang disediakan ini dan semoga usaha mereka akan beroleh pekerjaan yang diharapkan nanti.

Selain itu tambahnya, PPB juga menyediakan pelbagai program dan inisiatif dan orang ramai bolehlah berkunjung ke siri Jelajah Kerjaya tersebut untuk mengetahui dengan lebih lanjut.

"Di sini kami ada membuat pendaftaran dan sesi konsultasi membuat CV termasuk tip temu duga, yang mana ini akan dapat membantu para pencari kerja untuk meningkatkan kemahiran mereka," ujarnya.

Siri Jelajah Kerjaya 2024 seterusnya akan diadakan di Daerah Temburong pada 13 November ini bertempat di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar dan terakhir di Daerah Brunei dan Muara pada 14 hingga 17 November 2024 bertempat di Dewan Munawwarah, Bangunan Setia Point, Berakas.

# KOMITED MEMELIHARA ALAM SEKITAR, KURANGKAN PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU



**DAYANG Hajah Martinah binti Haji Tamit hadir selaku tetamu kehormat pada acara penanaman anak pokok. Turut hadir menyertai aktiviti berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan yang Terutama Maeda Toru.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BERAKAS**, Selasa, 12 November. – Ke arah menyokong Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam's National Climate Change Policy-BNCCP), Syarikat Brunei Methanol Sdn. Bhd. (BMC) hari ini menanam sejumlah 100 anak pokok pada acara penanaman yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas.

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen BMC terhadap penjagaan alam sekitar dan penglibatan komuniti, selaras dengan matlamat BNCPP untuk meningkatkan hutan simpan tempatan dengan menanam 500,000 pokok menjelang 2035, seterusnya akan membantu mengurangkan pelepasan karbon dan memberi kesan positif kepada habitat, biodiversiti dan ekosistem negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit.

Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Jesús Enrique Mora Marín, dalam ucapannya menyatakan, inisiatif berkenaan bukan hanya mengenai penanaman pokok tetapi ia adalah untuk memelihara kehidupan, memulihkan ekosistem, dan menyumbang kepada bumi yang lebih hijau dan sihat untuk generasi akan datang.

Antara yang turut serta ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru; dan Pemangku Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Kapten Basza Alexzandar bin Haji Basri.

Dengan penyertaan daripada warga BMC, sukarelawan belia dan ahli-ahli Green Brunei, ia sekali gus menggariskan komitmen BMC terhadap pemuliharaan alam sekitar, pengurusan hutan lestari, dan pengurangan pelepasan gas rumah hijau.

Usaha berkenaan juga adalah susulan kejayaan penanaman 100 anak pokok di lokasi yang sama pada September 2023, yang mencapai kadar kemandirian 100 peratus, iaitu bukti usaha BMC dalam pemulihan dan pemeliharaan ekosistem.

Inisiatif penanaman pokok berkenaan adalah sebahagian daripada strategi Tanggungjawab Sosial Korporat BMC #RESPECT, selaras dengan matlamat kelestarian BMC untuk operasi perniagaan rendah karbon dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Dengan memperjuangkan kesukarelawanan hijau dan menyokong matlamat iklim negara, BMC mengesahkan semula peranannya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, secara aktif menyumbang kepada sasaran Brunei yang mampan dan pengurangan pelepasan gas rumah hijau.



# MINDA PEMBACA

## Guru berkualiti, negara maju

**K**ERJAYA sebagai seorang guru merupakan satu tugasan yang mulia dan mempunyai tanggungjawab yang besar serta penuh dengan cabaran. Ilmu yang diajarkan oleh seorang guru kepada pelajar boleh diumpamakan sebagai pelita yang mampu menerangi diri daripada kegelapan kejahilan.

Oleh itu, tidak dinafikan guru merupakan khazanah negara yang paling bernilai dalam melahirkan generasi yang akan dapat memajukan dan membangunkan negara kita. Seorang guru yang berkualiti sememangnya mempunyai sikap berketerampilan, cekap dan berupaya menguasai ilmu pengetahuan yang luas.

Guru yang cekap boleh menyesuaikan pembelajaran dengan menyebarkan ilmu yang lebih efektif dan meluas kepada pelajar agar mereka mudah memahami apa yang dipelajari.

Pelajar lebih mudah untuk memahami apa yang dipelajari dan secara tidak langsung akan timbul rasa minat serta dirangsang sifat ingin tahu mengenai topik pembelajaran.

Namun, dengan penguasaan ilmu pengetahuan yang luas, guru-guru sudah tentu tidak ada masalah untuk menyampaikan setiap pelajaran dengan lebih berkesan. Secara tidak langsung, guru mampu melahirkan generasi pelajar yang sentiasa dahagakan ilmu berkualiti.

Selain itu, kualiti seorang guru dapat dilihat daripada sahsiah (keperibadian) mereka kerana guru yang berkualiti wajar mempunyai sahsiah yang tinggi. Contoh sahsiah tinggi yang ada pada seorang guru ialah berakhlak mulia dan berdedikasi.

Guru yang berakhlak mulia dan berdedikasi pula selalunya bersikap adil serta tidak pilih kasih dan mereka melayan semua pelajar sama rata untuk memastikan semua pelajar memperoleh ilmu yang disampaikan.

Bukan itu sahaja, keperibadian seorang guru yang berdedikasi selalunya tekun dan sanggup berkorban masa, tenaga, dan wang untuk memberi pendidikan yang berkualiti.

Kesimpulannya, guru yang berkualiti bukan sahaja mendidik pelajar, tetapi juga membentuk generasi yang berilmu dan berdedikasi. Dengan bimbingan guru, pelajar dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang berkualiti dan mengembangkan sahsiah yang unggul.

Generasi yang dididik dengan baik kelak akan menjadi individu yang mampu memajukan negara dalam pelbagai bidang sekali gus menjadikan negara kita setanding dengan negara-negara maju.

Oleh itu, guru yang berkualiti adalah pemacu dalam usaha membawa negara ke arah kemajuan.

**Nama : Nur Ainina Zarifi**
**No. K/P: 01-085XXX**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Jadikan Kerja Sebagai Ibadah'.** Tarikh Tutup : **13 November 2024**
2. **'Manfaatkan Hobi Dalam Menjana Pendapatan'.** Tarikh Tutup : **20 November 2024**
3. **'Tingkatkan Ekonomi Menerusi Bidang Pertanian'.** Tarikh Tutup : **27 November 2024**

**Terma dan Syarat :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

Pelita Brunei

# Mengangkat Dua Tangan Di Tempat Yang Tidak Disunatkan Dalam Sembahyang

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MENURUT** para ulama, antara sunat *hai'at* dalam sembahyang ialah mengangkat dua tangan dalam sembahyang. Mengangkat dua tangan dalam sembahyang disunatkan ketika melafazkan takbiratulihram, ketika hendak ruku', ketika *i'tidal* dan ketika bangkit daripada *tasyahhud awwal*. Perbuatan mengangkat kedua tangan tersebut adalah disunatkan atas dasar *ittiba'* (mengikut perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*). Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Minhaj al-Qawim, cara mengangkat dua tangan itu ialah dengan mengangkat kedua-dua tangan sekira-kira tapak tangannya sejajar bahu, kedua-dua ibu jari tangannya sejajar dengan bahagian bawah telinga, hujung jari tangannya yang selain ibu jari sejajar dengan bahagian atas telinga, kedua-dua telapak tangan dihadapkan ke arah kiblat serta jari-jemari diceraikan pada jarak yang sederhana.

Berkaitan dengan perkara mengangkat dua tangan dalam sembahyang, baru-baru ini tular di media sosial dakwaan bahawa orang yang sembahyang apabila dia mengangkat dua tangannya di tempat yang tidak disunatkan mengangkat kedua tangan seperti mengangkat dua tangan ketika bangkit daripada sujud raka'at pertama boleh membatalkan sembahyang kerana perbuatan tersebut adalah pergerakan yang melebihi tiga kali pergerakan. Oleh yang demikian, Irsyad Hukum kali ini akan memberi pencerahan mengenainya.

Menurut Imam asy-Syarqawi *Rahimahullah* dalam Hasyiyah asy-Syarqawi 'ala Tuhfah ath-Thullab, jika orang yang sembahyang mengangkat dua tangannya bukan di tempat yang disunatkan, maka hukum melakukannya adalah makruh sebagaimana beliau berkata:

**Ertinya**: *Jika dia meninggalkan (perbuatan) mengangkat (dua tangan itu) pada apa yang telah diperintahkan melakukannya atau melakukannya pada apa yang tidak diperintahkan melakukannya, makruh (melakukannya).*

Meskipun hukum mengangkat dua tangan bukan di tempat yang disunatkan itu hukumnya makruh, yang menjadi fokus persoalan ialah jika orang yang sembahyang mengangkat dua tangannya bukan di tempat yang disunatkan, adakah melakukannya itu dikira pergerakan yang membatalkan sembahyang?

Jika orang yang sembahyang melakukan suatu perbuatan yang tidak disyari'atkan dalam sembahyang dan perbuatan itu bukan daripada perbuatan-perbuatan sembahyang serta perbuatan tersebut dilakukannya sebanyak tiga kali berturut-turut sama ada daripada satu anggota seperti dia melangkahkan kakinya sebanyak tiga kali berturut-turut atau lebih daripada satu anggota seperti dia melangkahkan kakinya sebanyak dua kali berturut-turut dan dia menolehkan kepalanya, maka batal sembahyangnya dengan perbuatan tersebut sama ada dia melakukannya secara sengaja atau kerana lupa.

Begitu juga halnya dengan pergerakan tangan. Jika orang yang sembahyang itu menggerakkan satu tangannya sebanyak tiga kali secara berturut-turut, maka menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, pergerakannya sebanyak tiga kali tersebut adalah membatalkan sembahyang. Berbeza halnya dengan menggerakkan jari-jemari sahaja tanpa menggerakkan tapak tangan. Perbuatan menggerakkan jari-jemari secara berturut-turut tanpa menggerakkan tapak tangan itu merupakan perbuatan ringan yang tidak membatalkan sembahyang. Walau bagaimanapun, pergerakan sebanyak tiga kali yang membatalkan sembahyang itu dikecualikan kepada orang yang mengalami penyakit kulit seperti kudis yang dia tidak mampu menahan daripada menggaruya. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj berkata:

**Ertinya**: *Dan terkeluar (tidak membatalkan sembahyang) dengan (pergerakan) jari-jemari itu ialah pergerakan tangan, maka ia membatalkannya (sembahyang) jika (pergerakannya itu) sebanyak tiga kali secara berturut-turut, kecuali jika dia menghidap (penyakit) kudis yang dia tidak mampu (menahan) dari menggarunya, dan diambil (faham) daripada (hal) ini bahawa jika dia diuji (dengan situasi) yang memaksanya melakukan pergerakan yang banyak, maka dia dibolehkan dengannya (melakukan melebihi tiga pergerakan).*

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj dan Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, mengangkat tangan kemudian mengembalikannya ke tempatnya jika dilakukan secara bersambung-sambung (tanpa berselang di antara mengangkat dan mengembalikan) dalam sembahyang itu dikira sebagai satu pergerakan sahaja. Begitu juga halnya perbuatan mengangkat tangan kemudian meletakkan tangan tersebut di suatu tempat seperti kepala kerana hendak menggarunya dengan jari-jemarinya, maka perbuatan tersebut juga dikira sebagai satu pergerakan.

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj berkata:

**Ertinya**: *Dan tangan yang pergi (dari tempatnya) serta kembalinya (ke tempatnya) itu secara bersambung-sambung adalah satu kali (pergerakan) sebagaimana (pendapat) yang zhahir. Begitu juga halnya (dikira satu pergerakan) mengangkatnya (tangan) kemudian meletaknya di atas tempat yang digaru.*

Berdasarkan perkataan ulama di atas, ini bererti bahawa jika orang yang sembahyang mengangkat dua tangannya bukan di tempat yang disunatkan seperti mengangkat dua tangan ketika bangkit daripada sujud raka'at pertama, maka pergerakan mengangkat dua tangan dan mengembalikannya ke tempatnya itu masih dikira sebagai dua pergerakan yang berturut-turut, iaitu mengangkat dan mengembalikan tangan kanan adalah satu pergerakan, manakala mengangkat dan mengembalikan tangan kiri adalah satu pergerakan. Menurut para ulama, melakukan dua pergerakan itu merupakan perbuatan yang sedikit yang tidak membatalkan sembahyang. Walau bagaimanapun, mengangkat dua tangan bukan di tempat yang disunatkan itu hukumnya makruh.

Demikian penjelasan mengenai mengangkat dua tangan di tempat yang tidak disunatkan dalam sembahyang.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوألن ڤوسة دعوه اسلاميه

# Al-Quran sumber ketenangan hati

**AL-QURAN** merupakan sumber petunjuk manusia yang membawa kebenaran dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh sebab itu, Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan manusia agar sentiasa berpegang teguh dengan Al-Quran seperti mana dalam Surah Al-Israa' ayat 9, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang mafhumnya :

*"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan salih bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar".*

Seseorang yang tidak diisi hati dan dadanya dengan ayat-ayat Al-Quran sama ada tidak membaca atau mengamalkannya adalah diibaratkan seperti sebuah rumah kosong, tidak berharga dan buruk yang akan roboh bila-bila masa sahaja. Perkara ini dijelaskan dalam sebuah hadis, Imam At-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Ibnu Abbas *Radhiallahuanhuma* bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Sesungguhnya orang yang tidak ada di dalam hatinya sedikit pun daripada Al-Quran* adalah umpama sebuah rumah yang binasa".

Begitulah umpamanya hati yang tidak diisi dengan ayat-ayat Al-Quran mudah dimasuki jin dan syaitan sehingga melahirkan penyakit jiwa seperti kerasukan, skizofrenia, psikiatri, dan sebagainya.

Hati di dalam jasad seseorang memainkan peranan yang penting dalam menentukan sifat baik dan buruk. Inilah yang dimaksudkan dalam banyak ayat Al-Quran dan hadis yang menyentuh tentang kepentingan hati dalam kehidupan manusia. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan kita bahawa hati amat berperanan dalam menentukan kebaikan dan kejahatan sifat seseorang sebagaimana Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada An-Nu'man bin Basyir bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Ingatlah sesungguhnya di dalam jasad manusia itu ada seketul darah, jika ia baik, maka baiklah jasad. Jika ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Itulah hati".*

Hadis ini menggambarkan tentang kepentingan hati bagi setiap manusia. Justeru menjaga hati itu sangatlah penting di dalam Islam. Maka daripada itu, hidupkan hati kita dengan Al-Quran agar terhindar dari penyakit hati seperti iri, sombong, dan berprasangka buruk. Apabila Al-Quran sering dibaca dan difahami, ia akan menghidupkan hati dan menjadikan hati kita lembut, subur dan sihat. Dengan adanya hati yang subur dan sihat akan menghasilkan pula kualiti akhlak manusia yang tinggi dan mulia. Manakala jika ia ditinggalkan, hati akan mengeras sehingga akhirnya boleh menyebabkan hati itu mati.

Semoga dengan melazimkan membaca Al-Quran, hati dan jiwa kita akan mendapat nur hidayah Allah dan menjadi tenang serta terhindar dari kegelapan dan kejahilan. Orang yang sentiasa bersama Al-Quran, akan diberikan cahaya yang menyuluh dan menerangi kehidupan agar jauh daripada kesesatan dan sentiasa berada di jalan yang benar.


سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING
SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR
BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP
× Permohonan tidak akan diproses.
× Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.
Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR
× Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul.
sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
× Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan.
sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
× Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap.
memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
× Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.
Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

# NBD AKAN SERTAI 13TH KUWAIT INTERNATIONAL PRIZE OF THE HOLY QURAN

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**





**KETUA Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Awang Haji Aziman bin Haji Awang Zaman dan Pemangku Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Ali Sabri bin Haji Yussof hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta dan pengiring (atas dan kiri).**

**BERAKAS**, Isnin, 11 November. - Dua peserta Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu Awang Adi Syazani bin Shahri dan Haji Awang Muhammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah akan mewakili negara bagi 13th Kuwait International Prize of The Holy Quran yang akan diadakan pada 13 hingga 20 November 2024.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Awang Haji Aziman bin Haji Awang Zaman dan Pemangku Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Ali Sabri bin Haji Yussof.

Rombongan berkenaan diiringi oleh Tenaga Pengajar ITQSHHB juga selaku Pengurus Rombongan iaitu Awang Muhammad Azim bin Awang Haji Ali.

Awang Adi Syazani bin Shahri, mahasiswa Tahun 3, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengikuti Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Quran dan merupakan penerima Ijazah Khas Hafaz Al-Quran 30 Juz Al-Quran, UNISSA dan naib johan Kategori 'E' pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan pada Tahun 2024.

Sementara, Pegawai Pendidikan Ugama, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Haji Awang Muhammad Zul-Hafiz akan mengikuti bagi Kategori Tilawah dan merupakan johan qari Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2021 dan 2022. Rombongan dijangka balik dan tiba ke NBD pada 22 November 2024.

Pertandingan tersebut disertai sebanyak 127 penyertaan daripada 75 buah negara iaitu dibahagikan kepada 75 peserta dalam Kategori Hafazan (Memorization Branch), 16 peserta dalam bacaan Al-Quran (Readings Branch), 13 peserta dalam Kategori Tilawah (Recitation branch) dan 23 penyertaan bagi generasi muda dalam Kategori Hafazan (Young Memorizers Branch).

## Tip KESIHATAN

# Tip mengurangkan tekanan di tempat kerja



**BEKERJA** setiap hari tanpa wujudnya semangat positif untuk bekerja memungkinkan seseorang individu mempunyai pelbagai tekanan. Berasa bosan mengulangi skop kerja yang sama, tiada semangat untuk bekerja dan tekanan untuk memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah antara perkara biasa yang dialami oleh seseorang individu di tempat kerja.

Perkara-perkara ini memungkinkan seseorang untuk mengalami masalah tekanan mental yang lebih serius jika tidak ditangani dengan sebaiknya di peringkat awal.

Banyak perkara mudah yang boleh dilakukan oleh awda untuk mewujudkan suasana bekerja yang lebih ceria dan tenang sekali gus mengurangkan masalah yang dialami.

**TIP PERTAMA : BERCAKAP DENGAN INDIVIDU LAIN**

1.Bercakap atau berbual dengan individu lain seperti rakan sekerja atau ahli keluarga mampu mengurangkan tekanan. Dengan cara ini, awda tidak akan berasa berseorangan dan dalam masa yang sama, awda boleh bertanya pendapat orang lain untuk menyelesaikan masalah dan membantu awda mengurangkan sebarang keraguan atau kebimbangan dalam minda.

2.Bercakap atau berbual tidak akan menghilangkan kesemua masalah awda, tetapi membuatkan awda lebih mudah untuk mengatasi masalah kesihatan mental seperti kegelisahan dan tekanan perasaan.

**TIP KEDUA : BERSUKAN ATAU BERSENAM**

1.Bersukan atau bersenam tentunya membuatkan kesihatan fizikal awda lebih baik, tetapi ia juga memberi kesan positif terhadap kesihatan mental.

2.Malah berfikir untuk bersenam merupakan satu petanda bahawa mental awda bersedia untuk bergerak ke arah cara hidup yang lebih baik. Individu yang bersenam akan berasa bertenaga sepanjang hari dan mempunyai tidur yang berkualiti selain berfikiran positif terhadap diri mereka sendiri dan berasa lebih tenang.

3.Kajian menunjukkan bahawa senaman mampu merawat tekanan dengan kesan yang sama jika menggunakan ubatan antidepresi tanpa kesan sampingan. Kajian juga menyatakan, dengan mengekalkan jadual aktiviti senaman, ia mampu mengelakkan tekanan daripada berulang.

4.Bersenam dengan kerap mampu meningkatkan jumlah bahagian tertentu otak, sebahagiannya melalui bekalan darah yang lebih baik yang meningkatkan kesihatan saraf dengan meningkatkan penyerapan oksigen dan nutrien.

**TIP KETIGA : BUAT SESUATU KEBAIKAN**

1.Ia nampak mudah, tetapi ramai yang tidak melakukannya. Awda tidak perlu memiliki wang ringgit yang banyak semata-mata untuk membuat kebaikan.

2.Senyum kepada semua rakan-rakan, menyapa petugas keselamatan dengan ucapan 'Selamat Pagi' adalah antara contoh yang mampu mewujudkan *mood* positif dalam diri awda khususnya dan masyarakat sekeliling secara am.

3.Tingkah laku seperti ini mewujudkan ketenangan dalam diri awda sekali gus mewujudkan ketenangan minda daripada memikirkan perkara-perkara yang boleh menjejaskan produktiviti di tempat kerja.

**TIP KEEMPAT : PSIKOTERAPI SECARA *ONLINE***

1.Tidak ramai individu yang mampu dan berani untuk berjumpa dengan ahli psikologi atau kaunselor bagi mendapatkan rawatan yang sepatutnya terhadap masalah yang dialami.

2.Stigma dan pandangan negatif individu lain yang dikhuatiri boleh menjejaskan nama baik seseorang mendorong seseorang untuk memendam masalah dan tekanan yang dialami. Sekiranya awda adalah salah seorang yang mungkin mempertimbangkan untuk mendapatkan rawatan atau nasihat secara profesional tanpa perlu bersemuka, awda boleh mencuba untuk mendapatkan khidmat psikoterapi secara *online* melalui pelbagai laman web atau aplikasi yang tersedia.

3.Laman sesawang seperti *Talkspace.com* mempunyai ahli-ahli terapi yang berdaftar yang mampu membantu awda untuk mendapatkan sokongan tanpa perlu risau akan pandangan individu lain terhadap awda.

# PENTINGKAN KEUTUHAN ROHANI, KESEJAHTERAAN MENTAL PELAJAR



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**SERAMAI 30 Ahli Kumpulan Al-Qudwah menghadiri Program Qiamullail yang bertajuk 'Hangout Overnight' sempena menjelang musim peperiksaan yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 November. - Seramai 30 orang Ahli Kumpulan Al-Qudwah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini melancarkan inisiatif untuk mengadakan Program Qiamullail yang bertajuk 'Hangout Overnight' sempena menjelang musim peperiksaan yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri.

Program tersebut dimulakan dengan Solat Maghrib Berjemaah dan kemudian diteruskan dengan aktiviti-aktiviti seperti bacaan Surah Yaa Siin, Solat Isyak Berjemaah dan diteruskan dengan Ceramah Motivasi yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) UNISSA, Dr. Kamaru Salam bin Yusof yang bertajuk 'Kepentingan Ilmu dalam kehidupan'.

Pada hari berikutnya, para peserta mengikuti qiamullail yang diketuai oleh Alumni UNISSA, Awang Muhammad Hazmi bin Haji Rajab, dan kemudian diteruskan dengan tazkirah dan bacaan Surah Al-Kahfi beramai-ramai.

Turut sama menyertai program berkenaan ialah Ketua Unit Kokurikulum selaku Penasihat Kumpulan Al-Qudwah UNISSA iaitu Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Selain untuk memupuk perpaduan, kerohanian dan kesejahteraan mental dalam kalangan pelajar, program tersebut juga bertujuan untuk memupuk kepentingan spiritual dalam segala aspek kehidupan dan membiasakan pelajar untuk menghidupkan qiamullail terutama sekali dalam menghadapi peperiksaan.

# Timba ilmu dalam komunikasi interpersonal, kemahiran perundingan



**GADONG**, Isnin, 11 November. - Seramai 25 peserta terdiri daripada Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai Program Conflict Management yang dikendalikan oleh Epipeople Management and Consultancy di bawah anjuran Persatuan Alumni UNISSA dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Alumni UNISSA baru-baru ini.

Program ini bertujuan untuk membangun sahsiah diri yang mantap dalam kalangan Alumni UNISSA dari sudut komunikasi interpersonal dan kemahiran perundingan sesama pekerja.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi mengenal pasti personaliti diri alumni agar dapat membantu mereka dalam menghadapi konflik dengan tenang dan dapat menyelesaikannya dengan baik bukan sahaja ketika di alam pekerjaan malahan juga dalam kehidupan sehari-hari.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Alumni UNISSA 2023, Awang Muhammad Nazif Safwan bin Abu Bakar dan kemudian diteruskan dengan sesi pertama iaitu *ice breaking* yang disampaikan oleh Junior Consultant, Epipeople Management and Consultancy, Dayang Siti Nur Syahmina binti Zaini bagi membentuk hubungan awal antara para peserta program.

Melalui sesi pertama ini, perdebatan mengenai topik telah dibicarakan secara perkumpulan termasuk penjelasan mengenai konflik kepada peserta-peserta program.

Pada sesi kedua program, Consultant Trainee, Junior Consultant Epipeople Management and Consultancy, Awang Ahmad Syauqie bin Haji Satia telah menjelaskan mengenai ciri-ciri personaliti diri yang terdapat dalam diri sendiri dengan menggunakan formula DISC Personality.

Dengan ini, peserta-peserta program dapat mengetahui akan personaliti diri masing-masing serta dapat menyelesaikan konflik berpandukan pengetahuan yang diberikan oleh fasilitator.

Program diakhiri dengan penyampaian sijil oleh Pemangku Setiausaha Persatuan Alumni UNISSA, Awang Muhammad Raihanuddin bin Haji Pudin kepada kedua-dua fasilitator.



**SEKITAR Program Conflict Management (atas dan kanan).**

## Keputusan pusingan kedua HECAS 2024 / 2025 diumumkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 November. - Pengumuman bagi keputusan HECAS 2024 (Pengambilan Pusingan Kedua) untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Politeknik Brunei bagi Tahun Akademik 2024 / 2025 akan dikeluarkan pada Selasa, 12 November 2024, pukul 9.00 pagi.

Pemohon-pemohon bolehlah mengakses akaun HECAS masing-masing untuk mengetahui status permohonan di laman sesawang HECAS iaitu *https://hecas.moe.gov.bn*.

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang HECAS iaitu *https://hecas.moe.gov.bn* dan media sosial Instagram Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan iaitu *hiedbrunei*.

# 10 pelajar terima sijil penyertaan



**SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil yang berlangsung di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.**

**Berita dan Foto : Ihsan Jabatan Sekolah-Sekolah**

**TUTONG**, Isnin, 11 November. - Majlis Penyampaian Sijil telah diadakan di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah bagi meraikan pencapaian pelajar dalam menyempurnakan aktiviti pembungkusan rempah ratus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengurus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd Nooh bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman yang menyampaikan sijil penyertaan kepada sembilan pelajar Program BTEC dan seorang pelajar Program Pra-Vokasional.

Beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Guru Program BTEC serta Guru Program Pra-Vokasional atas penglibatan mereka dalam aktiviti pembungkusan.

Hadir pada majlis tersebut ialah para Pegawai Jabatan Sekolah - Sekolah, Pegawai Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengetua, Timbalan Pengetua Akademik, Timbalan Pengetua Pentadbiran, guru-guru, Ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru, ibu bapa, penjaga dan pelajar.

Dalam ucapannya, Pengetua Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Dayang Krestina binti Haji Daud turut merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. dan pihak Jabatan Sekolah-Sekolah atas aktiviti pembungkusan yang dilaksanakan di sekolah beliau yang merupakan projek kerjasama sejak tahun 2015.

Beliau turut merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak ibu bapa dan penjaga atas sokongan berterusan mereka terhadap pendidikan anak-anak mereka

Pada akhir majlis, Pengetua Sekolah Menengah Sufri Bolkiah turut menyampaikan cenderamata kepada Pengurus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.

Sekolah Menengah Sufri Bolkiah adalah merupakan sekolah menengah kerajaan kedua yang terlibat dalam pembungkusan rempah ratus daripada Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.

Pada masa ini, terdapat empat buah sekolah menengah kerajaan yang terpilih melaksanakan aktiviti pembungkusan ini iaitu Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Katok dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

# 9 AHLI KADET POLIS DIRAJA BRUNEI KUPU SB NAIK PANGKAT







**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 November. - Seramai sembilan ahli Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dinaikkan pangkat pada Majlis Kenaikan Pangkat Ahli Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei KUPU SB bagi Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Tarbiah, KUPU SB, di sini.

Surat kenaikan pangkat kepada ahli-ahli kadet berkenaan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Menguasa Pasukan Kadet Polis, Pusat Latihan Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, S/Insp. Mohammad Zahrin bin Zakaria.

Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei, KUPU SB mula ditubuhkan pada 2018.

Keahlian mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB Tahun 2 Sarjana Muda Perguruan Ugama dan Tahun 2 Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dalam pasukan berkenaan adalah untuk memenuhi keperluan Kursus Kokurikulum (Beruniform) yang memberi nilai tambah kepada mereka untuk meneroka peluang-peluang kerjaya dalam pasukan beruniform.

Majlis Kenaikan Pangkat ahli-ahli kadet berkenaan secara tidak langsung menjadi dorongan kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk terus bergiat aktif dalam acara-acara kenegaraan dan aktiviti-aktiviti pasukan demi memupuk semangat berpasukan, menjaga disiplin dan memikul tanggungjawab dalam memelihara keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

**PEMANGKU Pegawai Menguasa Pasukan Kadet Polis, Pusat Latihan Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, S/Insp. Mohammad Zahrin bin Zakaria hadir pada majlis kenaikan pangkat dan seterusnya menyampaikan surat kenaikan pangkat kepada ahli-ahli kadet berkenaan (atas kiri, atas kanan dan kanan).**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tajuk Tawaran:**
**Sebut Harga Bagi :**
1. General Repair Of Mercedes Atego BG 4294 **(RUJ: JBP / TSH / 51 / 2024 - 2025)**

2. Repair Of Main Pump Bearing Shaft **(RUJ: JBP / TSH / 52 / 2024 - 2025)**

3. Service And Repair 2 Units Scania P310 BG 5044 And BG 5066 **(RUJ: JBP / TSH / 53 / 2024 - 2025)**

4. General Repair Of Volvo FL10 BG 3845 **(RUJ: JBP / TSH / 54 / 2024 - 2025)**

5. General Overhaul Engine Mitsubishi Pajero BG 3065 **(RUJ: JBP / TSH / 55 / 2024 - 2025)**

6. General Repair Of Mercedes Sprinter BG 968 **(RUJ : JBP / TSH / 56 / 2024 - 2025)**

**Tarikh Tutup / Jam:**
Khamis, 28 November 2024.
(1.50 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

---

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Sebut Harga:**
(51) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

**Tajuk Sebut Harga :**
Membekalkan Kamera Nikon Z8 Mirrorless

**Yuran:**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 21 November 2024.
Jam 8.00 Pagi.

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**MOE / LTK / 86 / 2024 / 2025**
**(BHSE-NOV-2024)**
To Supply, Deliver, Install, Commission, Test Mandatory Life Support Equipment And Accessories To 35 Schools And 5 Departments Under Ministry Of Education.

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu :**
26 November 2024
- Selasa.
[Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang]

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 11 / 2024 - 2025

**Tajuk Sebut Harga :**
Term Contract 24 Months For Janitorial Services At Ministry Of Primary Resources And Tourism Building.

**Tarikh Tutup Sebut Harga** :
5 Disember 2024, Khamis, Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat**:
25 November 2024,
Isnin,
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga**:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
III, IV

**Kategori :**
KA01
Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
26 November 2024

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 39 / CQS / 2024-T / III

**Nama Projek:**
Earthworks Of Perdayan, Temburong

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
10 Disember 2024,
Tidak lewat
jam 2.00
Petang.

**Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan di dalam**

**Kelas :**
III, IV & V

**Kategori :**
B01 & KA01
Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
19 November 2024

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 38 / CQS / 2024-T / IV

**Nama Projek:**
Renovation Works for Microbology Laboratory, Department of Laboratory Services Central State Laboratory, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital - Design and Build

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
10 Disember 2024,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang

**Dibukakan Kepada Pembekal-Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
Pembekal-Pembekal Yang Diluluskan Sahaja

**Kategori :**
P02 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
26 November 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
3 Disember 2024.

**Bil Tawaran:**
JKR / DWS / 036 / 2024

**Tajuk:**
Membekal dan Menghantar 6,000 Ton Metric Hydrated Lime Ke Stor Kimia Sinarubai dan Loji-Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - 2024

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
Tidak dikembalikan

---

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran :**
KKWE / IBE / TDR / 2024-1

**Tajuk Tawaran :**
Pembekalan Sebuah Kenderaan Kerajaan Bagi Kegunaan Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
19 November 2024.
Jam 2.00
Petang.

**Yuran Tawaran / Dokumen :**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2024 – 2025 / 26

**Tajuk Tawaran:**
Customer Service Excellence Training For Hospitality And Tourism Industry

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
28 November 2024.
Jam 2.00
Petang.

**Bilangan Tawaran**:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 28

**Tajuk Tawaran:**
Membekal dan Menghantar Ink Catridges Untuk Kegunaan Jabatan Kemajuan Pelancongan Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
14 November 2024.
Jam 2.00
Petang.

PERATURAN PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**
BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

1. **Bilangan Sebut Harga:**
APM.2024-2025 / SH-05
To Supply Scent Machines With Fragrance, Refill And Maintain At Brunei International Airport
(Kelas: I)

2. **Bilangan Sebut Harga:**
APM.2024-2025/SH-06
Waste Collection And Disposal Services At Brunei International Airport For A Period Of Two (2) Years
(Kelas: I; Kategori kerja: S01)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:**
Rabu,
13 November 2024.
(Selama 02 Minggu)

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Rabu,
27 November 2024.
(Sebelum Jam 11.00 Pagi)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
27 November 2024.
(Sebelum Jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerbangan Awam
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan,
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan
BB 2513
Negara Brunei Darussalam

**Tajuk Tawaran 1**
Aladdin Tent Canvas Replacement Works For Vic At Tarmac Area
**AME / 2024 – 2025 / SH-64 / R**
(Kelas II dan ke atas)

**Tajuk Tawaran 2**
To Supply And Install LED Spotlight And Downlight At Arrival Hall, Brunei International Airport
**AME / 2024 – 2025 / SH-72**
(Kelas I, II dan III)

**Tajuk Tawaran 3**
Kerja-Kerja Pembasmian Serangga atau Binatang Perosak dan Lain-Lain (Pest Control) Di Bangunan-Bangunan Jabatan Penerbangan Awam Bagi Tempoh Dua (2 ) Tahun
**AME / 2024 – 2025 / SH-73**
(Kelas I dan II)

**Tajuk Tawaran 4**
Term Contract For Three (3) Months In Maintenance Of Airfield Ground Lighting At Brunei International Airport
**AME / 2024 – 2025 / SH-74**
(Kelas V)

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
13 November 2024, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
26 November 2024,
Selasa,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
27 November 2024,
Rabu.

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Sebut Harga:**
JPE / LTK / KOP / 075 /24

**Tajuk:**
Cleaning Services At Department Of Electical Services Main Store And Cable Yard Gadong, General Warehouse 66KV Transmission. 11KV Distribution, Revenue Management, Multi Purpose Hall And DNCC / HSE Batu Bersurat 24 Months.

**Harga Dokumen:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Sebut Harga:**
JPE / LTK / KOP / 077 /24

**Tajuk:**
Cleaning Services At Department Of Electical Services Muara Office, Mentiri Office & Lambak Office For 36 Month.

**Harga Dokumen:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
3 Disember 2024.
(Sabtu, Jam 3.00 Petang)

**Boleh Diperoleh Daripada:**
"Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga"
Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

**Tempat Tutup :**
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Basement Two (B2)
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Komplex Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Syarikat-Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan (ABCi), Kelas 2 atau 3 dalam Kategori S02

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
BCY / CP / 415 / 2015

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang :** Nurul Hazieyah Binti Yusri (BYIC No.: 01-030577). **Alamat -** No 35, Spg. 164, Jalan Paya Bunga Merah, Pasai 1, Sengkurong BG2121, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 415 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 15%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar –** 25 September 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Oktober 2024

**Kes No.**
BCY / CP / 49 / 2010

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang :** Dk Noorsiah Binti Pg Hj Ibrahim (BYIC No.: 00-0735161). **Alamat -** No. 24, Spg. 84, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 49 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 25%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar –** 18 September 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Oktober 2024

**Kes No.**
BCY / CP / 149 / 2008

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang :** Awang Ali Ismail Bin Haji Jais (BYIC No.: 00-255293). **Alamat -** No 10. Jalan 3, Spg. 15, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong BE3319. Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 149 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 12%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar –** 18 September 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Oktober 2024

**Kes No.**
BCY / CP / 150 / 2008

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang :** Ahad Bin Haji Taha (BYIC No.: 00-0741761). **Alamat -** No. 2, Spg. 49, Jalan Nenas Sanggol, STKRJ Katok B, Kg. Mata-Mata Gadong. Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 150 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 54%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar –** 18 September 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Oktober 2024

**Kes No.**
BCY / CP / 330 / 2012

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang :** Jafry Bin Haji Abu Bakar (BYIC No.: 00-123249). **Alamat -** No. 2, Jalan 99, Simpang 39-20-18, RPN Kg. Rimba, Gadong. BE3319 Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 330 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 22%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar –** 5 September 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Oktober 2024

**Kes No.**
BCY / CP / 327 / 2012

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang :** Mohd Norizan Bin Abdullah – 2nd Judgement Debtor (BYIC No.: 00-063531) – Deceased. **Alamat –** No. 27, Spg.64-48, Jalan Binglu Barat, Kampung Perumahan Tanah Jambu, BU1129, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 327 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 31%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar –** 5 September 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**>> Muka 16**

>> Muka 15

**Tarikh :**
21 Oktober 2024

**Nurul Hidayah**
**Binti Hamdan**
Timbalan penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

**Kes No.**
BCY / CP / 302 / 2014

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang :** Daraman Anak Igol (BYIC No.: 00-129413). **Alamat –** No. 47, Spg. 17, Jalan Keruak, Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Panaga, Seria Kuala Belait, KB4533, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 302 Tahun 2014**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 50%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar –** 12 September 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Oktober 2024

**Kes No.**
BCY / CP / 340 / 2014

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang :** Shahminan Bin Aji (BYIC No.: 00-282989). **Alamat –** No. 88, Spg. 82, STKRJ Kg. Rimba Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 340 Tahun 2014**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 49%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar –** 10 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
30 Oktober 2024

**Kes No.**
BCY / CP / 315 / 2006

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang :** Haji Abd Rahman Bin Awg. Haji Damit (Allahyarham) (BYIC No.: 00-063304). **Alamat –** No. 4, Spg.41-24, Jalan D, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri, BU2129, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 315 Tahun 2006**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 1.8%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar –** 12 September 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
21 Oktober 2024

**Nur Sariy Syammina Binti Jaffri**
Timbalan penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

**Kes No.**
BCY / CP / 474 / 2009

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Keempat dan Terakhir**

**Nama Penghutang :** Rahimah Binti Haji Gani (BYIC No.: 00-127506). **Alamat –** No. 3, Spg.35, Jalan Basong, STKRJ Kampung Lugu BG2921, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 474 Tahun 2009**. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit –** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar –** 3 Oktober 2024. **Di mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
21 Oktober 2024

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**
Timbalan penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tajuk dan Bilangan Sebut Harga Bagi Kerja :**
Kerja Mengganti Baharu Pendawaian Elektrik dan Kipas Penyedut Udara yang Rosak pada Ruang Makan Terbuka Bangunan Kompleks Sri Selera Seria (3S) di Jalan Lorong Pasar 2 Seria
61 / BBS / SH / BKA / 2024 - 2025

**Tajuk dan Bilangan Sebut Harga Bagi Kerja :**
Kerja Membuat Baharu Kaunter Pembayaran pada Bangunan Pejabat Bandaran Kuala Belait dan Seria Cawangan Seria di Jalan Bunga Melor Seria.
62 / BBS / SH / BKA / 2024 - 2025

**Dibukakan kepada pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam**

**(Kelas I dan II Kategori S02)**

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
26 November 2024.
(Selasa)

**Waktu Kaunter Pembayaran:**

Isnin – Khamis
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu
8.00 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada
Jumaat, Ahad dan Hari-Hari Kelepasan Awam

---




---

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan**

**Bil. Sebut Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q16
Invitation To Supply, Delivery, Configuration, Installation, Replacement, Testing And Commissioning Of Additional Wireless Access Point For Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut harga:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka:**
Sabtu,
9 November 2024.

**Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:**
Khamis,
21 November 2024.

**Tarikh Tutup:**
Isnin,
25 November 2024
Jam sebelum
9.00 Pagi

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
III (II & III) sahaja

**Kategori:**
KA01 Sahaja
– Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DDS 012 / 2024
– (CDE).T.III

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Menaik Taraf Sistem Longkang Di Simpang 325-4, Jalan Binglu RPN Kg. Tanah Jambu

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
3 Disember 2024

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Disember 2024.
Tidak lewat dari
jam 2.00
Petang.

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
07 / BBS / SDVTPJBKBS / 2024-2025

**Keterangan Projek:**
Supply and Delivery of Vacuum Truck Parts BG 5067 for Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Bilangan Tawaran:**
08 / BBS / SDSEGTJBKBS / 2024-2025

**Keterangan Projek:**
Supply and Delivery of Safety Equipment and Gardening Tool for Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(***Non-Refundable***)

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
26 November 2024.
Jam 2.00
Petang.

# جوالن سالينن ݢمبر٢ ديݢيتل

# JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



**HARGA JUALAN**

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

**TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN**

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

**JENIS-JENIS**

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)** dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

**IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN**

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**WAKTU PERNIAGAAN**

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

InfoDeptBN
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn


KETAHUI SUMBER GARAM AWDA
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH
GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM
JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN
1385 mg
1 bungkus
Mee Segera
1000 mg
Sebiji
Telur Masin
880 mg
1 sudu makan
Kicap
376 mg
3 sudu makan
Corned Beef
295 mg
1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang
243 mg
1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan
120 mg
1 cawan
Kentang Goreng
116 mg
Segenggam
Kacang Tanah (Salted)
15 mg
3 keping
Kraker Beras
2.4 mg
1/2 cawan
Amping
1.7 mg
Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)
1.2 mg
Sebiji ukuran sederhana
Pisang
TIPS
1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk
Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari
Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok
hpcbrunei
Health Promotion Centre
Talian Darussalam 123

# 20 SUKARELAWAN BGC SERTAI PROGRAM PEMULIHARAAN MARIN

Siaran Akhbar dan Foto :
Looking After Underwater Treasures Brunei






PENGURUS QHSSE, Kapten Haji Mohatarshah bin Haji Othman semasa menerima token penghargaan bagi pihak Brunei Gas Carriers (atas). Manakala gambar atas kanan, sesi bergambar ramai bersama para penerima.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 November. - Dalam usaha menyokong kelestarian alam sekitar, seramai 20 sukarelawan dari Brunei Gas Carriers (BGC) telah mengambil bahagian dalam Program Reef Ball Fabrication yang dianjurkan oleh Looking After Underwater Treasures (LAUT) Brunei, baru-baru ini.

Program berkenaan merupakan aktiviti pasca program sebagai mengiktiraf sokongan BGC sebagai rakan kongsi untuk Ocean Week Brunei yang julung kali diadakan pada Jun 2024.

Acara dimulakan dengan ceramah pemuliharaan marin yang disampaikan oleh Pengurus Pemasaran Poni Divers, Donna Baltazar. Sepanjang sesi itu, sukarelawan BGC membina tujuh bebola terumbu, mengubah bahan mentah sumber tempatan kepada Reef Balls - struktur penting yang direka untuk menyokong dan menambah baik ekosistem marin.

Majlis diakhiri dengan penyampaian token penghargaan kepada BGC melalui Pengurus QHSSE, Kapten Haji Mohatarshah bin Haji Othman. Sebagai mengiktiraf usaha dan sumbangan mereka kepada pemuliharaan marin, semua peserta telah diberikan sijil, secara rasmi mengiktiraf mereka sebagai Reef Ball Fabrication yang disahkan.

Penyertaan aktif BGC dalam menyokong Ocean Week Brunei tahun ini menggariskan dedikasi teguh mereka untuk menjaga ekosistem marin. Kerjasama antara BGC dan LAUT Brunei bukan sahaja menggalakkan amalan mampan tetapi juga menggalakkan penglibatan masyarakat dalam penjagaan alam sekitar.

# 5 warga asing dijatuhkan hukuman

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BELAIT**, Isnin, 11 November. - Seramai lima warga asing telah pun dijatuhkan hukuman di bawah Akta Imigresen, Penggal 17.

Samsodin, 41 tahun, Dedi Stiawan, 26 tahun dan Andi Purwanto, 29 tahun telah pun dijatuhkan hukuman penjara lima bulan bermula dari tarikh mereka direman iaitu pada 5 November 2024 dan tiga kali sebatan atas kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Manakala Ahmad Saekhoni, 51 tahun juga telah pun dijatuhkan hukuman atas kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresennya mansuh.

Ahmad Saekhoni dijatuhkan hukuman penjara selama lima bulan bermula 5 November 2024. Hukuman sebat ditiadakan mengikut peruntukkan Seksyen 258, Hukum Kanan Jenayah Penggal 7.

Sementara, Samroni, 51 tahun dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND3,500 atau penjara selama tiga bulan jika gagal untuk membayar denda tersebut atas kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh. Beliau telah pun selesai membayar jumlah hukuman denda tersebut pada 5 November 2024.

Kes-kes pendakwaan berkenaan merupakan hasil daripada operasi penguatkuasaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Cawangan Kuala Belait yang telah dijalankan di bawah Operasi Kabat 111 / 2024.

JIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan pesalah-pesalah Imigresen untuk menghubungi terus ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

## Selera Kampong Kitani



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

# Mee Hoon Udang Kering

## Kampung Jaya Setia

**BAHAN-BAHANNYA :**

1 paket mee hoon
150ml minyak
5 ulas bawang merah
4 ulas bawang putih
100gm udang kering
100ml lada kisar
25ml kicap manis
25ml sos lada
25ml sos tiram
Sedikit kicap pekat
1 ketul *fishcake*
500ml air
Sayur sawi
2 sudu teh pati ayam (atau ikut cita rasa)
2 sudu teh lada sulah (atau ikut cita rasa)
2 sudu teh gula (atau ikut cita rasa)

**CARA MEMASAK :**

Mula-mula ambil satu bekas dan rendam mee hoon menggunakan air paip selama 30 minit dan gunting-gunting sesudah lembut.

Ambil kuali, tuang sedikit minyak. Sesudah panas, tumis bawang merah, bawang putih, lada kisar dan udang kering sekali gus sampai pecah minyak. Masukkan *fishcake* dan masak sekejap. Masukkan kicap manis, sos lada, sos tiram dan kicap pekat dan 500ml air.

Buang air rendaman mee dan masukkan mee ke dalam tumisan tadi. Masak mee sehingga air kering dan mee tidak keras, jika keras boleh tambah air sedikit demi sedikit. Akhir sekali, masukkan sayur sawi dan tambahkan perasa pati ayam, gula dan lada sulah.



# Cegah diabetes demi kehidupan lebih sihat

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**

HARI Diabetes Sedunia disambut setiap 14 November di seluruh dunia sebagai satu usaha global dan bersepadu untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang diabetes serta cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menanganinya. Ianya juga menjadi satu platform bagi mendapatkan komitmen secara kolektif termasuk daripada individu, profesional kesihatan, penggubal dasar dalam pencegahan, diagnosis serta pengurusan diabetes dengan lebih baik.

Setiap tahun, Hari Diabetes Sedunia mengetengahkan tema khusus untuk menarik perhatian umum dan pada tahun ini Sambutan Hari Diabetes Sedunia bertemakan 'Diabetes dan Kesejahteraan' (Diabetes and Well-being). Tema ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, mendidik orang ramai agar mereka mengetahui dan mengenal pasti risiko diabetes dan pencegahannya.

### Statistik

Menurut Persekutuan Diabetes Antarabangsa, satu daripada 10 orang dewasa menghidap diabetes pada tahun 2021. Dianggarkan 537 juta orang dewasa di seluruh dunia kini menghidap penyakit diabetes, dan angka ini dijangka akan meningkat kepada 643 juta menjelang 2030. Diabetes menyebabkan 6.7 juta kematian pada tahun 2021 dan juga punca utama penyebab kehilangan penglihatan, kegagalan buah pinggang, serangan jantung, strok dan amputasi anggota di bahagian bawah badan.

Tahukah awda bahawa di Negara Brunei Darussalam (NBD), diabetes adalah penyebab kematian yang keempat tertinggi selepas kanser, penyakit jantung dan penyakit cerebrovascular. Menurut Kaji Selidik Kebangsaan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2015 - 2016, prevalens diabetes dalam kalangan orang dewasa di NBD ialah 9.7 peratus.

### Memahami Diabetes Jenis 2

Penyakit diabetes terutama sekali Diabetes Jenis 2 boleh dicegah. Diabetes Jenis 2 adalah jenis penyakit diabetes metabolik yang berpunca daripada tahap gula dalam darah yang tinggi, atau juga disebut sebagai hiperglisemia. Penyakit ini juga biasanya dianggap sebagai penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup yang kurang sihat termasuk pemakanan yang tidak seimbang, cara hidup yang *sedentary* atau tidak aktif dan berat badan yang berlebihan, iaitu *overweight* atau obes.

### Apa dia komplikasi diabetes?

Komplikasi diabetes ialah keadaan di mana badan kita tidak menghasilkan cukup insulin atau kurang sensitif pada insulin. Insulin ialah sejenis hormon yang dihasilkan oleh pankreas, yang membantu penyerapan glukosa agar dapat dijadikan tenaga. Keadaan tersebut menyebabkan paras glukosa meningkat dalam darah dan mengakibatkan kepada pelbagai komplikasi.

Komplikasi diabetes terbahagi kepada dua kategori iaitu Komplikasi Kronik (jangka panjang) dan Komplikasi Akut (jangka pendek). Komplikasi Kronik didefinisikan sebagai kerosakan pada organ dan tisu badan yang disebabkan oleh lama terdedah kepada keadaan glukosa dalam darah yang tinggi. Manakala, Komplikasi Akut selalunya terjadi apabila keadaan glukosa dalam darah berada pada paras tinggi atau rendah.

### Komplikasi jangka panjang

• Masalah jantung dan pembuluh darah : Paras glukosa yang tidak terkawal, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi menjadikan pembuluh darah menjadi keras dan menyekat saluran arteri yang menyebabkan serangan jantung, strok dan gangren pada anggota lain.
• Masalah mata : Paras glukosa yang tinggi menyebabkan kerosakan pada pembuluh darah dan urat saraf di belakang mata yang menyebabkan penglihatan menjadi kabur dan boleh menyebabkan buta.
• Masalah buah pinggang : Ini terjadi apabila kerosakan pada urat saraf kecil menyebabkan kegagalan fungsi buah pinggang yang mana memerlukan dialisis.
• Kerosakan urat saraf : Tahap glukosa yang tinggi dapat merosakkan urat saraf dan menyebabkan hilang deria rasa (kebas) pada anggota badan yang terjejas, mati pucuk bagi lelaki dan otot pundi kencing menjadi lemah.
• Kaki diabetes : Kombinasi kebas dan kerosakan vaskular menyebabkan ulser, jangkitan kuman dan boleh menyebabkan pengudungan anggota badan yang terjejas.

### Komplikasi jangka pendek

• Hiperglisemia (tahap glukosa tinggi) : Puncanya adalah kerana tidak menyuntik insulin, menyuntik dos insulin yang salah, selepas pembedahan, jangkitan kuman, stres atau pemakanan yang tidak dikawal dan simptomnya pula adalah penglihatan kabur, mual, muntah, kulit kering, kerap kencing, dahaga dan pening.
• Hypoglisemia (tahap glukosa rendah) : Berpunca kerana menyuntik insulin yang berlebihan, kurang atau tidak makan, melambatkan masa makan, lebih membuat aktiviti fizikal daripada kebiasaan atau kurang sihat. Manakala, simptomnya adalah gelisah, sedih atau marah, pening, sakit kepala, penglihatan kabur, berpeluh atau rasa sejuk, menggeletar, degupan jantung yang cepat, keliru, koma atau tidak sedarkan diri.
• Jangkitan kuman : Pesakit diabetes mudah terdedah kepada jangkitan bakteria dan kulat. Jangkitan bakteria termasuk *pitutan* dan bisul. Jangkitan kulat termasuk *athlete's foot*, kurap dan jangkitan pada bahagian kemaluan.

### Cegah komplikasi diabetes

• Berjumpa doktor pada tarikh perjanjian yang ditetapkan.
• Lakukan pemeriksaan darah seperti yang diarahkan.
• Pastikan paras glukosa, HbA1c, tekanan darah dan paras kolesterol berada di tahap yang disarankan.
• Lakukan pemeriksaan mata seperti mana yang disarankan.
• Jaga kaki awda. Jangan berjalan tanpa kasut atau selipar. Berjumpa doktor jika mengalami ulser atau jangkitan kaki.
• Ambil ubat seperti yang diarahkan.
• Amalkan cara hidup sihat.

### Pentingnya pencegahan, pemeriksaan awal

Diabetes Jenis 2 boleh dielakkan atau dikawal melalui perubahan gaya hidup sihat. Ini termasuk mengamalkan diet seimbang, bersenam dengan kerap, dan mengelakkan tabiat seperti merokok. Di samping itu, pemeriksaan kesihatan secara berkala juga penting untuk mengesan diabetes pada peringkat awal dan membolehkan rawatan segera bagi mengelakkan komplikasi.

### Cegah diabetes, lindungi masa depan kita

Hari Diabetes Sedunia adalah satu usaha kolektif untuk memperkukuhkan kesedaran dan kefahaman tentang diabetes serta usaha mencegah dan mengawalnya. Dengan menyedari kesan diabetes terhadap kehidupan kita, marilah bersama-sama kita berganding bahu untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit diabetes serta komplikasinya. Melalui tindakan pencegahan, pengetahuan tentang penyakit diabetes dan penjagaan kesihatan diri yang lebih baik dapat membantu menurunkan risiko diabetes dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat di seluruh dunia.



BERITA GLOBAL

# SEKITAR 80 KETUA NEGARA, KERAJAAN BINCANG ISU PERUBAHAN IKLIM DI BAKU SEMASA COP29

**BAKU**, 11 Nov. - Sesi Ke-29 Persidangan Pihak - Pihak Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (COP29) akan bermula Isnin di Baku, dengan sekitar 80 ketua negara dan kerajaan dijangka mengambil bahagian, lapor Sputnik.

Acara itu juga akan dihadiri Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres, Presiden Majlis Eropah Charles Michel dan Setiausaha Negara Holy See, Kardinal Pietro Parolin.

Rusia akan diwakili Perdana Menteri Mikhail Mishustin.

COP29 merupakan platform penting untuk membincangkan dasar iklim global.

Negara-negara peserta akan mengadakan rundingan bagi mengurangkan kesan perubahan iklim dan mempercepatkan peralihan tenaga.

Sidang ini dilabel sebagai "COP kewangan" kerana negara-negara akan menetapkan sasaran global baharu untuk pembiayaan iklim.

Dengan krisis yang semakin meruncing, jumlah pembiayaan iklim yang diperlukan oleh negara - negara membangun dianggarkan antara US$500 bilion hingga US$1 trilion setiap tahun.

Menurut jawatankuasa penganjur, antara inisiatif utama dalam agenda COP29 ialah penubuhan Dana Tindakan Kewangan Iklim.

"Dana ini dijangka memainkan peranan penting dalam menutup jurang pembiayaan iklim sedia ada," kata jawatankuasa penganjur COP29 dalam maklum balas kepada RIA Novosti.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Tenaga Azerbaijan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif COP29, Elnur Soltanov berkata bahawa Baku menghantar jemputan kepada semua negara termasuk Armenia.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Luar Armenia Vahan Kostanyan memaklumkan dalam satu taklimat bahawa Yerevan masih belum membuat keputusan untuk menyertai persidangan itu di Baku.

Presiden Azerbaijan, Ilham Aliyev, pada musim panas lalu berkata bahawa penganjuran persidangan ini akan menjadi "satu lagi kejayaan besar untuk negara dan rakyat."

Berikutan sidang kemuncak iklim ini, pilihan raya parlimen Azerbaijan yang dijadualkan "pada November 2024 telah diadakan sebulan lebih awal pada September.

Sebelum ini, COP diadakan di Emiriah Arab Bersatu (2023), Mesir (2022)dan Scotland (2021). - ©BERNAMA

# Polis tahan lima sekawan, bongkar makmal proses dadah di Pulau Pinang

**GEORGE TOWN**, 11 Nov. - Lima sekawan yang aktif menjalankan kegiatan memproses dan mengedar dadah ditahan, selain pelbagai jenis dadah bernilai RM3 juta dirampas dalam tiga serbuan serentak yang dijalankan di sekitar negeri inipada 6 Nov lepas.

Serbuan yang dilakukan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman bersama JSJN Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang kira-kira 9.50 malam itu turut berjaya membongkar sebuah makmal memproses dadah yang berselindung di sebalik sebuah rumah teres satu tingkat yang disewa.

Pengarah JSJN Bukit Aman Datuk Seri Khaw Kok Chin berkata dalam serbuan di rumah terbabit di Tanjung Bungah, polismenahan tiga lelaki berumur 32 hingga 54 tahun yang merupakan pakar memproses dadah.

"Suspek ketiga berumur 32 tahun merupakan chemist (tukang proses dadah) manakala suspek pertama dan kedua masing-masing berumur 53 dan 54 tahun bertindak sebagai pembantunya.

"Pemeriksaan lanjut terhadap rumahitu turut menjumpai pelbagai jenis dadah di dalam sebuah bilik dan bahan kimia seberat 40,648 gram (g) serta peralatan memproses dadah," katanya pada sidang media di IPK Pulau Pinang di sini hari ini.

Khaw berkata suspek keempat berumur 59 tahun yang juga koordinator ditahan di sebuah pangsapuri di Ayer Hitam manakala suspek kelima, 46, ditahan di sebuah kedai di Jalan Yeoh Guan Seok dekat George Town.

Hasil semua serbuan itu katanya, polis merampas 13,991 gpil dan serbuk ekstasi, 6,029 g syabu dan 4,997 g ketamin selain menyita dua kereta dan sebuah motosikal dengan nilai keseluruhan rampasan dan sitaan ialah RM3.1 juta.

Khaw berkata modus operandi digunakan sindiket ialah menjadikan rumah sewa sebagai makmal dan stor menyimpan dadah dengan kadar sewa RM2,500 sebulan sebelum diedarkan untuk pasaran tempatan terutama di Pulau Pinang dan Lembah Klang.

"Selain mempelajari daripada media sosial, suspek juga merupakan penagih tegar dan berpengetahuan luas, jadi sebab itu mereka dapat hasilkan dadah yang berkualiti tinggi. Mereka menerima upah 50 sen bagi sebiji pil dan boleh mendapat RM2,000 untuk sebungkus pil," katanya yang turut memberitahu sindiket aktif menjalankan kegiatan itu sejak pertengahan tahun ini.

Beliau berkata saringan air kencing yang dilakukan mendapati empat daripada suspek positif dadah dan semua suspek turut mempunyai rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah.

Khaw berkata dengan tertangkapnya kesemua suspek itu pihaknya percaya dapat menyelesaikan kes yang terkait dengan serbuan di stor menyimpan bekalan dadah bernilai lebih RM21 juta di Kuala Lumpur pada Ogos lepas.

Kesemua suspek katanya, direman selama tujuh hari hingga 13 Nov ini untuk membantu siasatan mengikut Sekyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. - ©BERNAMA

# Boeing 787 menuju China patah balik ke Rom akibat kebakaran enjin

**ROM**, 11 Nov. – Sebuah pesawat Boeing 787-9 Dreamliner yang dikendalikan oleh Hainan Airlines terpaksa berpatah balik ke Lapangan Terbang Fiumicino, Rom sejurus selepas berlepas pada Ahad akibat kebakaran pada enjin, lapor Xinhua.

Pesawat yang membawa 249 penumpang dan 16 anak kapal itu berjaya mendarat semula dengan selamat tanpa sebarang kecederaan dilaporkan.

Menurut Pengawal Pantai Itali, kebakaran itu dipercayai berpunca akibat "bird strike", iaitu insiden burung bertembung dengan pesawat, yang sering berlaku semasa fasa berlepas atau pendaratan.

Dalam satu kenyataan, Hainan Airlines memohon maaf atas kesulitan yang dialami dan mengesahkan bahawa "bird strike" disyaki sebagai punca kejadian.

Syarikat itu turut menyediakan pelbagai pilihan kepada penumpang yang terjejas, termasuk penerbangan alternatif bagi mereka yang ingin meneruskan perjalanan atau bayaran balik serta pampasan bagi yang membatalkan rancangan mereka.

Laporan media menyebut bahawa kebakaran berlaku pada enjin kanan pesawat, menyebabkan kru bertindak pantas dengan melakukan pelepasan bahan api kecemasan ke laut sebelum kembali mendarat dengan selamat di lapangan terbang.

Pesawat itu, yang berlepas dari Fiumicino pada 9.55 pagi (0855 GMT) menuju Shenzhen, China berpatah balik dan mendarat sekitar pukul 11.00 pagi (1000 GMT).

Pihak berkuasa masih belum mengesahkan sejauh mana kerosakan yang dialami pesawat itu. Pegawai Lapangan Terbang Fiumicino memaklumkan bahawa operasi trafik udara tidak terjejas, dan tiada kelewatan ketara berlaku bagi penerbangan lain. – ©BERNAMA

# PGA rampas pelbagai tumbuhan hiasan seludup bernilai RM2.52 juta

**KOTA BHARU**, 11 Nov. - Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas pelbagai jenis tumbuhan hiasan dipercayai diseludup dari Thailand yang bernilai kira-kira RM2.52 juta dalam Operasi Taring Wawasan di Pasir Mas dan Rantau PanjangSabtu lepas.

Komander Briged Tenggara PGA Datuk Nik Ros Azhan Ab Hamid berkata rampasan pertama membabitkan pelbagai pokok orkid dan nanas hiasan Bromeliad dianggarkan berharga RM2.01 juta selepas menahan sebuah lori di Kampung Lubok Stol, Pasir Mas.

"Lori itu dipandu lelaki tempatan berumur 36 tahun dalam keadaan mencurigakan dan pemeriksaan pada 9.45 malam mendapati kesemua tanaman hiasan berkenaan bagi pasaran tempatan dibawa tanpa dokumen yang sah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, beliau berkata PGA turut menumpaskan kegiatan penyeludupan pokok hiasan jenis Citharexylum Spinosum dan Juniperus Chinensis selepas menahan sebuah lori dipandu lelaki tempatan berumur 32 tahun yang dalam keadaan mencurigakan di Kampung Kubang Rambutan, Rantau Panjang.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat pelbagai jenis pokok hiasan dianggarkan bernilai RM510,000 dibawa tanpa dokumen yang sah untuk pasaran tempatan," katanya.

Nik Ros Azhan berkata kedua-dua kes disiasat di bawah Seksyen 5 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167) manakala kesemua barang rampasan dan suspek dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata PGA akan terus mempergiat usaha bagi mengekang kegiatan penyeludupan daripada terus berleluasa di sempadan negara. - ©BERNAMA

# Kabinet Perdana Menteri Jepun Ishiba letak jawatan sebelum undian parlimen

**TOKYO**, 11 Nov. – Perdana Menteri Jepun Shigeru Ishiba bersama anggota Kabinetnya meletakkan jawatan pada Isnin sebelum undian Parlimen diadakan bagi memilih perdana menteri baharu, susulan keputusan pilihan raya umum bulan lepas, lapor Xinhua.

Para menteri menyerahkan surat peletakan jawatan secara serentak dalam satu mesyuarat Kabinet pagi Isnin.

Memandangkan gabungan parti pemerintah, Parti Demokratik Liberal (LDP) dan Komeito tidak memiliki majoriti dalam Dewan Perwakilan, undian pada Isnin dijangka berakhir dengan pusingan penentu antara Ishiba dan ketua parti pembangkang utama, Parti Demokratik Perlembagaan, Yoshihiko Noda.

Jika berlaku, ini akan menjadi pusingan penentu pertama dalam hampir 30 tahun bagi pemilihan perdana menteri di Jepun. – ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 10 maut dalam kejadian tembakan di Mexico

**MEXICO CITY**, 11 Nov. – Sekurang-kurangnya 10 orang terbunuh manakala tujuh lagi cedera dalam insiden tembakan di sebuah bar di negeri Queretaro, Mexico menurut pihak berkuasa tempatan pada Ahad.

Serangan itu berlaku di bar Los Cantaritos pada malam Sabtu, apabila empat individu bersenjata melepaskan tembakan hingga mengorbankan tujuh lelaki dan tiga wanita, menurut laporan Pejabat Peguam Negeri, lapor Xinhua.

"Empat individu bersenjata menaiki sebuah van telah dikenal pasti dan nombor plat kenderaan mereka berjaya diperoleh," kata Juan Luis Ferrusca, setiausaha keselamatan awam di daerah Queretaro.

Sementara itu, tujuh mangsa yang cedera kini sedang dirawat di hospital berhampiran. Setakat ini, seorang suspek telah ditahan. – ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# LEBIH 1,800 KES MPOX DISAHKAN DI AFRIKA DARI 20 OKTOBER HINGGA 3 NOVEMBER – WHO

**GENEVA**, 12 Nov. - Lebih 1,800 kes mpox (nama baharu bagi monkeypox) yang disahkan melalui ujian makmal dilaporkan di Afrika sejak 20 Oktober hingga 3 November, lapor Agensi Berita Rusia (TASS), memetik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurut WHO, Republik Demokratik Congo mencatatkan peningkatan terbesar dalam kes dan kematian sepanjang tempoh ini.

Setakat 3 November, sejumlah 11,140 kes disahkan jangkitan mpox dan 53 kematian direkodkan di Afrika sejak 1 Januari, dengan peningkatan sebanyak 1,828 kes dan 19 kematian berbanding 20 Oktober.

Di Congo, jumlah kes meningkat sebanyak 1,128 kes sejak 20 Oktober menjadi 8,662, sementara jumlah kematian bertambah sebanyak 18 menjadi 43.

Dari 1 Januari 2022 hingga 30 September tahun ini, sebanyak 109,699 kes mpox dikesan di 123 negara, termasuk 236 kematian.

Keadaan darurat kesihatan global mpox mula dikuatkuasakan pada Julai 2022 hingga 11 Mei 2023. Keputusan untuk menamatkannya dibuat susulan penurunan kes, namun pada 14 Ogos tahun ini, Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus mengembalikan status darurat kesihatan disebabkan oleh wabak mpox di Afrika. - ©BERNAMA

# Laos 'derita dalam senyap': Periuk api, bom tinggalan perang ragut nyawa kanak-kanak tidak bersalah

**HNOM PENH**, 12 Nov. - Di kawasan pergunungan yang indah dengan muka bumi berceranggah di perkampungan terpencil Laos, kanak-kanak dan petani berdepan dengan tinggalan periuk api serta bahan letupan jenis 'Unexploded Ordnance' (UXO) yang mengancam nyawa mereka selama lebih 40 tahun.

Sisa letupan perang ini yang ditinggalkan sejak Perang Viet Nam menjadi ancaman kepada kehidupan masyarakat tempatan yang tidak bersalah dan terpaksa menanggung kesan daripada alat letupan berkenaan.

Petani tidak dapat membajak tanah mereka manakala kanak-kanak takut untuk pergi ke sekolah, menyebabkan ramai hidup dalam ketakutan.

Walaupun terdapat kempen antarabangsa yang giat dijalankan untuk membersihkan sisa letupan yang tertanam, Laos masih terdedah kepada risiko tinggi, dengan lebih 60 peratus daripada mangsa pada tahun ini adalah kanak-kanak.

Ketua Pengarah Pihak Berkuasa Kawal Selia Kebangsaan Laos untuk UXO/Pusat Tindakan Periuk Api, Bounpheng Sisawath mendedahkan bahawa 48 insiden berkaitan UXO berlaku tahun ini, mengorbankan sembilan nyawa.

"Hampir 62.5 peratus daripada mereka yang cedera atau terbunuh adalah kanak-kanak, dengan kebanyakan kemalangan disebabkan oleh kanak-kanak bermain dengan bahan letupan. Insiden sedemikian menyumbang 35 peratus daripada jumlah keseluruhan, menunjukkan keperluan mendesak untuk kempen kesedaran risiko yang lebih berkesan," kata Sisawath, seperti dilaporkan Vientiane Times pada November.

Walaupun angka terus berubah-ubah, hampir 25,000 orang dilaporkan terkorban akibat letupan periuk api dan UXO selama bertahun-tahun, dengan 40 peratus daripadanya adalah kanak-kanak, menurut agensi global yang bertugas di lapangan.

Menurut Kerajaan Laos, 15 daripada 18 wilayah negara itu tercemar dengan bom-bom kecil yang dilepaskan daripada bom berangkai (cluster submunitions).

Laos telah bergelut untuk membangunkan semula ekonominya.

Sektor pelancongan, pertanian, perlombongan dan kuasa hidro memacu ekonomi Laos dengan pendapatan per kapita sebanyak RM4,300 (US$2,000) sementara negara itu turut mengalami kadar inflasi tinggi kira-kira 20 peratus.

Bencana alam, kurang pembangunan dan hutang awam yang besar terus membelenggu negara kecil itu yang terhimpit antara negara-negara jiran yang lebih makmur - China, Thailand, Viet Nam, dan Kemboja.

Mines Advisory Group (MAG) yang berpangkalan di United Kingdom, memetik data Kerajaan Laos menyatakan bahawa pada penghujung 2023, hampir 1,996 kilometer persegi (km persegi) tanah telah disahkan tercemar dengan 'cluster submunitions' dan UXO lain.

Kawasan itu hampir 2.5 kali ganda saiz Singapura.

Pengarah Negara MAG untuk Laos, Eli Mechanic memberitahu Bernama bahawa jumlah keseluruhan dijangka meningkat ketika lebih banyak tinjauan dilakukan dan tahap pencemaran periuk api masih belum diketahui sepenuhnya.

"Bahaya tersembunyi seperti bahan letupan tidak meletup menyekat akses kepada tanah yang selamat, mengehadkan kawasan pertanian dan ragut serta mewujudkan risiko berterusan kepada komuniti tempatan.

"Ini menghalang pembangunan pertanian dan mengganggu kehidupan harian, kerana keluarga menghadapi kebimbangan keselamatan dan mengurangkan peluang ekonomi. Cabaran dalam membersihkan alat letupan ini termasuk keadaan muka bumi yang sukar, cuaca, dan pembiayaan terhad," kata Mechanic dalam temu bual melalui e-mel.

MAG ialah organisasi kemanusiaan dan advokasi global yang mengesan, mengalihkan dan memusnahkan periuk api, bom berangkai dan bom tidak meletup di kawasan yang terjejas akibat konflik.

Pakar MAG telah berkhidmat di Laos selama lebih 30 tahun, berjaya membersihkan lebih daripada 136 km persegi tanah tercemar.

Usaha mereka menjadikan tanah itu selamat untuk kanak-kanak, keluarga, dan komuniti, membolehkan mereka menggunakannya untuk pertanian dan pembangunan tanpa rasa takut akan berlakunya kemalangan.

Mechanic berkata pasukan MAG telah meninjau lebih 1,250 km persegi tanah, mengesahkan lebih 1,220 km persegi kawasan berbahaya, dan melaksanakan lebih 37,000 tugas pelupusan bahan letupan di 500 buah kampung.

"Secara keseluruhan, MAG telah memusnahkan lebih 340,000 bahan letupan tidak meletup dengan selamat. Usaha ini memberi manfaat secara langsung kepada lebih 1.18 juta orang.

"Selain itu, MAG telah menjalankan lebih 4,500 sesi Pendidikan Risiko Ordnans Letupan di 320 buah kampung, melibatkan lebih 153,000 peserta untuk memastikan masyarakat memahami risiko dan mengetahui cara untuk kekal selamat," katanya.

Laos, satu-satunya negara yang tidak mempunyai laut di Asia Tenggara dan dengan populasi kira-kira tujuh juta orang, mengalami pengeboman besar-besaran pada 1960-an dan 1970-an.

Lebih dua juta tan bom berangkai digugurkan di negara itu dalam tempoh berkenaan, menurut laporan antarabangsa. - ©BERNAMA

# Pesawat Spirit Airlines ditembak di Haiti, seorang kru cedera

**MOSCOW**, 12 Nov. - Sebuah pesawat milik syarikat penerbangan Amerika Syarikat, Spirit Airlines ditembak ketika cuba mendarat di Port-au-Prince, Haiti menyebabkan seorang kru cedera, lapor Miami Herald memetik jurucakap syarikat itu, menurut laporan Sputnik/RIA Novosti.

Tembakan dilepaskan oleh kumpulan penjenayah Haiti pada Isnin, memaksa pesawat untuk mengubah haluan pendaratannya ke Republik Dominika. Seorang pramugari dilaporkan cedera ringan.

"Kami telah menggantung perkhidmatan di Port-au-Prince dan Cap-Haïtien sementara menunggu penilaian lanjut," kata jurucakap Spirit Airlines kepada media itu.

Haiti kini dibelenggu krisis sosioekonomi dan politik yang semakin meruncing, terutamanya selepas pembunuhan Presiden Jovenel Moise pada 2021.

Negara itu juga menyaksikan peningkatan dalam aktiviti keganasan yang dilakukan oleh kumpulan penjenayah, termasuk pemerasan dan penculikan. - ©BERNAMA

# WHO bakal muktamadkan perjanjian pandemik global menjelang Mei

**GENEVA**, 12 Nov. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Isnin mengumumkan bahawa rundingan untuk perjanjian pandemik global akan berterusan sehingga 2025 dengan sasaran untuk dimuktamadkan pada Mei, lapor Agensi Anadolu.

"Negara anggota bersetuju bahawa kita perlu memuktamadkan perjanjian ini secepat mungkin dan melanjutkan rundingan hingga 2025, dengan sasaran untuk memuktamadkan perjanjian itu mengikut jadual Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) akan datang pada Mei 2025," kata Anne-Claire Amprou, pengerusi bersama Badan Perundingan Antara Kerajaan (INB) WHO, dalam satu taklimat media.

Amprou menekankan bahawa dengan komitmen politik yang kukuh daripada negara anggota, rundingan "sedang berjalan ke arah yang diharapkan".

Pengerusi bersama, Precious Matsoso berkata bahawa perjanjian global sebelum ini mengambil masa yang lebih lama untuk diselesaikan, tetapi menambah: "Kita mempunyai tanggungjawab untuk melakukan yang lebih baik dan lebih bersedia bagi pandemik akan datang. Kita semua menyedari keperluan ini."

"Dunia boleh lebih bersedia menghadapi ancaman hari ini dan pada masa hadapan. Saya yakin kita akan mencapai matlamat itu," kata Matsoso, mengimbas kembali pandemik COVID-19 yang melanda pada 2020 dan meragut sekitar 7 juta nyawa.

INB, yang ditubuhkan pada 2021 oleh Perhimpunan Kesihatan Sedunia dengan keanggotaan 194 negara, diberi mandat untuk merangka dan merundingkan konvensyen atau instrumen antarabangsa di bawah Perlembagaan WHO bagi memperkukuh pencegahan, kesiapsiagaan, dan tindak balas terhadap pandemik.

Mesyuarat ke-12 INB sedang berlangsung secara hibrid sehingga Jumaat ini. - ©BERNAMA

# Belanda laksanakan pemeriksaan sempadan tambahan mulai 9 Dis

**THE HAGUE**, 12 Nov. - Belanda akan melaksanakan pemeriksaan sempadan tambahan secara sementara bermula 9 Dis bagi membendung "migrasi tidak teratur dan pemerdagangan manusia," menurut Menteri Hal Ehwal Suaka dan Migrasi Marjolein Faber pada Isnin, lapor Xinhua.

"Sudah tiba masanya untuk menangani migrasi tidak teratur dan penyeludupan migran secara kukuh.

"Pemeriksaan sempadan akan dilaksanakan dengan cara yang meminimumkan gangguan terhadap trafik ekonomi dan pekerja di kawasan sempadan," kata Faber dalam satu kenyataan.

Menurut kenyataan itu, pemeriksaan di lapangan terbang hanya akan dilaksanakan ke atas penerbangan tertentu yang dianggap berisiko kepada penghijrahan tidak teratur atau jenayah rentas sempadan.

Cadangan ini telah mendapat kelulusan Kabinet Belanda.

Beliau menegaskan bahawa langkah ini adalah sementara dan akan dikuatkuasakan selama enam bulan.

Mengikut peraturan Eropah dan persetujuan sedia ada dengan negara jiran, individu yang tidak memenuhi syarat kemasukan di Belanda akan dihantar semula seperti yang ditetapkan, menurut kenyataan itu.

Langkah ini diambil selepas Jerman mengumumkan pada September untuk melaksanakan semula pemeriksaan pasport di semua sempadan daratnya bagi menangani migrasi tidak teratur, ancaman keganasan, dan jenayah terancang merentas sempadan. - ©BERNAMA

# Keldai dadah bawa syabu RM800,000 ditahan di KKIA

**KOTA KINABALU**, 12 Nov. - Polis merampas syabu seberat 24.5 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM800,000 selepas menahan seorang lelaki dipercayai keldai dadah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) 7 Nov lepas.

Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Jauteh Dikun berkata lelaki berusia 24 tahun itu didapati membawa dua beg berisi 23 kotak dadah berkenaan menerusi penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum ditahan di KKIA pada 8.30 pagi.

Beliau berkata susulan tangkapan itu, seorang lagi lelaki berumur 28 tahun berjaya ditahan di sebuah hotel di sini, pada 11.15 malam hari sama dan polis merampas beberapa barangan antaranya telefon bimbit, komputer riba dan wang tunai.

"Soal siasat mendapati suspek pertama yang didapati positif syabu ditawarkan upah RM1,000 bagi setiap satu kilogram dadah dari Kuala Lumpur untuk dibawa masuk ke Sabah, dengan kali pertama lelaki itu membawa syabu adalah ke negeri jiran pada 5 Nov dengan upah RM9,000.

"Dadah dirampas mampu menampung sehingga 81,659 penagih dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah di sini hari ini.

Sementara itu, beliau berkata kadar jenayah di Sabah tahun ini meningkat kepada 3,652 kes setakat hujung bulan lepas, iaitu peningkatan 220 kes atau 6.41 peratus berbanding 2023.

Jauteh berkata pada masa sama pihaknya berjaya mencatatkan kadar penyelesaian kes sebanyak 80.42 peratus, yang merupakan tempat ketiga bagi seluruh Malaysia. - ©BERNAMA

ePaper Pelita Brunei

# DODGEBALL : PASUKAN RAVENS, RAVEN KLASIK PAMER AKSI CEMERLANG



PASUKAN Dodgeball tempatan, Ravens dan Raven Klasik semasa bergambar ramai pada Kejohanan Dodgeball anjuran Brunei Dodgeball Association.

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**
**Foto : Ihsan Rashid Julaihi**

**BERAKAS**, Isnin, 11 November. - Pasukan Dodgeball tempatan, Ravens dan Raven Klasik mencatatkan kejayaan membanggakan apabila masing-masing memperoleh tempat kedua dan ketiga dalam Kejohanan Dodgeball yang dianjurkan oleh Brunei Dodgeball Association baru-baru ini.

Manakala Pasukan Boomers muncul juara dalam Kejohanan Dodgeball yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Prestasi Ravens dan Raven Klasik menunjukkan kesungguhan, kerjasama dan semangat juang yang tinggi di dalam arena kompetitif tersebut.

Pasukan Ravens yang dianggotai oleh pemain berpengalaman, menampilkan aksi sengit sehingga ke peringkat akhir, sebelum tewas tipis di tangan lawan mereka, Pasukan Boomers.

Sementara itu, Raven Klasik turut memberikan saingan hebat, mengukuhkan kedudukan di tangga ketiga selepas menewaskan Pasukan Valkyrie.

Pencapaian ini memperlihatkan perkembangan positif dalam arena Dodgeball tempatan dan menjadi motivasi untuk pasukan-pasukan ini terus melakar kejayaan pada masa akan datang.

# PKWE DBM adakan Sukan Ria sempena Hari Keluarga Kali Ke-3





SUASANA sekitar Sukan Ria sempena Hari Keluarga Kali Ke-3 yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan 2, Jalan 77, Perumahan Negara Lambak Kanan (atas dan kanan).

**Berita dan Foto : Ihsan Haji Othman Haji Aliassan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 November. - Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) melalui Penyelaras Bahagian Sukan PKWE telah menganjurkan Sukan Ria sempena Hari Keluarga Kali Ke-3 yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan 2, Jalan 77, Perumahan Negara Lambak Kanan, di sini.

Lebih 80 keluarga warga PKWE hadir menyertai dan memeriahkan lagi acara berkenaan dan juga hadir sama Ketua Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Awang Haji Omar bin Haji Sapar serta mantan-mantan Pengurus PKWE DBM, Awang Haji Hambali bin Haji Tengah dan Awang Haji Hussin bin Haji Yussof.

Majlis Pelancaran Sukan Ria tersebut disempurnakan oleh Pengurus PKWE, Awang Haji Mohd. Yussof bin Mohd. Salleh dan seterusnya pada sebelah petang diteruskan dengan Majlis Penyampaian Hadiah serta Cabutan Nama Bertuah.

Pengerusi Majlis selaku Ketua Bahagian Sukan PKWE menerangkan bahawa Sukan Ria adalah acara riadah yang sangat menghiburkan walaupun ia diadakan secara ringkas namun ramai warga dan keluarga yang turut serta menyertai Sukan Ria berkenaan.

Acara terdahulu dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya senaman ringan yang diketuai oleh Awang Haji Amit bin Burut.